



فلیتا بروندی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.39 | SUBUH 4.49 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.29 | ZUHUR 12.09 | ASAR 3.23 | MAGHRIB 6.09 | ISYAK 7.18 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 122

9 OKTOBER 2024 / 1446 هـ 5

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

مانیسش ایمان

"DEMI sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu iaitu orang yang mengharapkan (keredaan) Allah dan (kebahagiaan) hari akhirat serta banyak berzikir mengingati Allah".
- Firman Allah Subhanahu Wata'alá dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21.

KEBAWAH DYMM TIBA DI VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao bagi menghadiri Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang akan berlangsung pada 9 hingga 11 Oktober 2024. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said (Lihat muka 2).

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
f Pelita Brunei @ pelitabrunei t pelitabrunei

Berita Utama



DOA Kesukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan TAIB

Muka 8



PAMERAN Foto Diraja bukti keakraban hubungan NBD – Malaysia

Muka 13



SEKOLAH PGGMB Sungai Akar anjur Sambutan Hari Guru

Muka 19

Bersama tangani isu penyalahgunaan, pengedaran dadah

Oleh : Aimi Sani

JERUDONG, Selasa, 8 Oktober. - Penyalahgunaan dadah adalah satu isu global yang memberi impak yang mendalam terhadap individu, keluarga serta masyarakat kita. Ia bukan sahaja memusnahkan kehidupan ribuan orang, tetapi juga memberi kesan negatif kepada keselamatan dan kesejahteraan masyarakat.

Sehubungan itu, sebagai usaha untuk

menyemarakkan lagi Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram di negara ini, Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah melancarkan Kurnia Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, hari ini.

Selaras dengan itu, satu forum turut diadakan dengan tema sambutan tahun ini iaitu 'Memperkasa Masyarakat Masa Depan Tanpa Dadah'.

Majlis yang berlangsung di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei, Jerudong itu dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku tetamu kehormat majlis.

>> Muka 6

Usaha memperkuuh pengajaran, pembelajaran berkualiti

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

TUNGKU LINK, Selasa, 8 Oktober. - Kementerian Pendidikan hari ini mengadakan Persidangan Hari Guru sempena Sambutan Hari Guru Ke-34, Tahun 2024 bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin

Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Seramai 1,200 peserta dan tetamu menghadiri persidangan ini, yang terdiri daripada guru-guru daripada semua sekolah kerajaan dan swasta, serta wakil institusi pengajaran tinggi di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal

Ugama.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Dekan, Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, UBD, Dr. Hajah Hardimah binti Haji Mohd. Said, selaku Pengurus Bersama persidangan tersebut.

>> Muka 8



MAHRAJAN Kaligrafi Islam
Antarabangsa NBD 2024, 16-18 Oktober ini

Muka 25

Kebawah DYMM tiba di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Hernie S**

REPUBLIK - Budi Yang Maha Mulia, Pada

VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO,
Selasa, 8 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao bagi menghadiri Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang akan berlangsung pada 9 hingga 11 Oktober 2024.

Berangkat mengiringi Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam ialah paduka
anakanda baginda, Duli Yang
Teramat Mulia Paduka Seri
Pengiran Muda Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam di
Lapangan Terbang Antarabangsa
Wattay, Vientiane dijunjung oleh
Menteri Tenaga dan
Perlombongan, Republik
Demokratik Rakyat Lao,
Tuan Yang Terutama Phoxay
Xavasone.

Juga hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Haji Roslan bin Haji Yacub.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao bagi menghadiri Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang akan berlangsung pada 9 hingga 11 Oktober 2024.

WAKTU SEMBAHYANG

OKTOBER		RABIULAKHIR									
MASIHI	HARI	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	
9	RABU	5	4.39	4.49	6.06	6.29	12.09	3.23	6.09	7.18	
10	KHAMIS	6	4.39	4.49	6.06	6.29	12.08	3.24	6.08	7.18	
11	JUMAAT	7	4.39	4.49	6.06	6.28	12.08	3.24	6.08	7.17	
12	SABTU	8	4.38	4.48	6.06	6.28	12.08	3.24	6.08	7.17	
13	AHAD	9	4.38	4.48	6.06	6.28	12.08	3.24	6.07	7.17	
14	ISNIN	10	4.38	4.48	6.06	6.28	12.07	3.24	6.07	7.16	
15	SELASA	11	4.38	4.48	6.06	6.28	12.07	3.24	6.06	7.16	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan  33 °C 25 °C 	 33 °C 25 °C 	 33 °C 25 °C 
Pekan Bangar  33 °C 25 °C 	 33 °C 25 °C 	 33 °C 25 °C 
Pekan Tutong  33 °C 25 °C 	 33 °C 25 °C 	 33 °C 25 °C 
Kuala Belait  33 °C 25 °C 	 33 °C 25 °C 	 33 °C 25 °C 

Wallahualam Blissawab

Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

9 OKTOBER 2024

**Berikan kasih sayang,
pemedulian terhadap warga emas**

AGAMA Islam memerintahkan umatnya agar sentiasa hormat-menghormati antara satu sama lain tanpa mengira bangsa, darjat ataupun keturunan. Sikap hormat-menghormati hendaklah ditanamkan pada diri individu sejak kecil terutama menghormati dan berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Mereka lah insan yang bersusah payah menjaga dan membesarkan kita sejak dari kandungan ibu lagi sehingga lah kita dewasa.

Dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini ada menjelaskan tentang kewajipan menyantuni dan menghormati warga emas, lebih-lebih lagi terhadap kedua-dua ibu bapa. Mereka ini mempunyai hak untuk mendapat kasih sayang dan penghormatan, di mana setiap individu perlu memainkan peranan sebagai seorang penjaga lebih-lebih lagi apabila mereka menghidap penyakit tertentu sama ada kesihatan jasmani atau mula lemah keupayaan mentalnya.

Selang hari, selang tahun berganti, semakin bertambah umur bererti semakin kurang jangka hayat dan semakin hampir kepada ajal. Hal ini adalah perubahan fasa-fasa yang akan dilalui. Ketika usia tua, secara semula jadi akan berada dalam serba kekurangan berbanding semasa muda, tidak kira dari segi kekuatan fizikal, daya ingatan, emosi dan pada usia inilah Allah Subhanahu Wata'ala akan menarik nikmat satu per satu.

Dalam hal ini, ia memerlukan kepada kesabaran dan kecekalan hati seperti yang diperintahkan oleh Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang telah dijelaskan dalam sebuah hadis Baginda yang diriwayatkan oleh Imam Termizi, daripada Anas bin Malik Radiallahuuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : *“Bukanlah daripada golongan kami barang siapa yang tidak mengasihi kanak-kanak dan tidak menghormati orang dewasa”*.

Alhamdulillah kebijakan warga emas di Negara Brunei Darussalam amat diambil berat oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan diberikan pemeliharaan dengan bantuan-bantuan yang sewajarnya.

Di samping itu, kewajipan terhadap warga emas bukan sahaja dipikul oleh pihak kerajaan bahkan semua lapisan masyarakat khususnya anak-anak. Janganlah menganggap warga emas sebagai satu beban dan mengabaikan kebaikan mereka. Dalam mereka meniti usia, apa yang lebih penting ialah perhatian dan kasih sayang daripada anak-anak mereka.

Oleh itu, semua insan hendaklah sama-sama menghormati dan menjaga kebijakan warga emas dengan memberikan kasih sayang dan memastikan kesempurnaan hidup mereka. Selain itu, janganlah mengabaikan dan mensia-siakan mereka. Mereka adalah generasi terdahulu yang telah banyak berkorban dan menyumbang kepada keluarga dan masyarakat. – **Ketua Penyuntingan (Rd)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaq

BERANGKAT KE VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi

berkenan berangkat ke Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao bagi menghadiri Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang akan berlangsung pada 9 hingga 11 Oktober 2024.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Oleh : Haniza Abdul Latif, Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda 'Abdul Mateen. Sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan

majlis Kebawah DYMM ialah kerabat diraja.

Berangkat sama dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja, Timbalan-timbalan Menteri, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (bawah).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao bagi menghadiri Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang akan berlangsung pada 9 hingga 11 Oktober 2024. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas kiri). Sementara gambar bawah tengah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah (kiri). Manakala gambar bawah tengah, berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM ialah kerabat diraja.



KEBAWAH DYMM berkenan berangkat ke Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao bagi menghadiri Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan.

KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI BERKENAN MENERIMA MENGADAP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Asing Wanita dan isteri Ketua-ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Hari Puja Usia baginda (atas dan kanan).

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap

Ketua-ketua Perwakilan Asing Wanita dan isteri Ketua-ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Hari Puja Usia baginda.

Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman.



Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah,

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah.

Semasa Majlis Mengadap

tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima pesambahan dan sembah tahniah daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing Wanita dan isteri Ketua-ketua Perwakilan Asing ke NBD.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Asing Wanita dan isteri Ketua-ketua Perwakilan Asing ke NBD (atas dan bawah kiri). Sementara gambar atas kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima pesambahan. Manakala gambar bawah, berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah.



DPMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa



dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mohammad Taghi Rajabi, hari ini.

Pada Majlis Mengadap yang berlangsung di Qashr Al-Meezan di sini, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji

Al-Muhtadee Billah berkenan menerima pesambahan daripada Tuan Yang Terutama Mohammad Taghi Rajabi.

TYT menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mohammad Taghi Rajabi (kiri dan kiri sekali).

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman pada Sabtu, 17 Ogos 2024 lalu.

Juga hadir, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Pasukan kebangsaan perlu bangkit



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan The ASEAN Mitsubishi Electric Cup 2024. Turut berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

BERAKAS, Selasa, 8 Oktober. - Pasukan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) terpaksa akur dengan kekalahan mereka selepas tewas kepada Pasukan Timor-Leste dengan kiraan 0 - 1 pada Kejohanan The ASEAN Mitsubishi Electric Cup 2024 yang berlangsung malam tadi di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Mu'izzaddin Waddaulah.

Turut berangkat, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahra' Raihaanul Bolkiah.

Pada babak pertama perlawanan menyaksikan Pasukan NBD terus memberi tekanan kepada Pasukan Timor-Leste dengan memberikan asakan namun sering tersasar daripada gawang pasukan lawan.

Namun pada babak kedua perlawanan, Pasukan Timor-Leste berjaya menjaringkan gol sulung mereka hasil sepakan Gali Freitas pada minit ke-47. Walaupun Pasukan NBD cuba menggandakan usahanya untuk mencari ruang untuk menjaringkan gol namun benteng pertahanan yang kuat daripada Pasukan Timor-Leste gagal dibolosi.

Keputusan kekal 0 - 1 hingga wisel penamat dibunyikan. Pasukan NBD seterusnya akan menentang Pasukan Timor-Leste dalam perlawanan timbal balik kedua di Stadium Chonburi Daikin, Thailand pada 15 Oktober

2024.

Pemenang bagi perlawanan play-off akan memasuki Kumpulan 'A' bersama Thailand, Malaysia, Singapura dan Kemboja pada peringkat kumpulan Kejohanan The ASEAN Mitsubishi Electric Cup 2024. Sementara Kumpulan 'B' terdiri daripada Viet Nam, Indonesia, Filipina, Myanmar dan Laos.



JUGA berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman serta anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (atas). Sementara gambar bawah kanan dan bawah kiri, sekitar perlawanan berkenaan.



PASTIKAN ANAK MUDA TERHINDAR PERSEKITARAN PENYALAHGUNAAN DADAH



Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

JERUDONG, Selasa, 8 Oktober. - Penyalahgunaan dadah adalah salah satu isu sosial yang agak membimbangkan dan ia boleh memberikan impak yang negatif kepada masyarakat sejagat.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bersabda

demikian melalui video Kurnia Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen pada Majlis Pelancarannya bertempat di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei, hari ini.

Penyalahgunaan dadah, sabda Duli Yang Teramat Mulia, boleh mencetuskan pelbagai anasir jenayah seperti isu-isu sosial, kesihatan, jenayah dan sebagainya sehingga boleh menjelaskan ketenteraman

dan keselamatan masyarakat dan seterusnya, ia juga boleh menjelaskan masa depan anak-anak muda kita ke arah yang tidak diharaskan seperti daripada kemauan untuk berekreasi kepada ketagihan dadah.

DYTOM seterusnya bersabda mengingatkan bahawa kita haruslah memastikan anak-anak muda kita sekarang mempunyai platform untuk mampu menahan atau mengelakkan diri mereka daripada anasir persekitaran penyalahgunaan dadah dan seterusnya

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan mengurnikan sabda (atas). Manakala gambar kiri, majlis tersebut berlangsung di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei.

memberikan persekitaran yang lebih positif kepada kehidupan mereka seperti memiliki gaya hidup yang sihat dan positif.

Meskipun membanteras jenayah penyalahgunaan dadah, sabda DYTOM, adalah salah satu agenda terpenting di peringkat nasional dan ia tidak boleh dilakukan secara silo, malah ia adalah tanggungjawab seluruh lapisan rakyat dan penduduk di negara ini. DYTOM seterusnya bersabda mengingatkan untuk menangani isu ini secara sepudu.

"Bersama-sama kita boleh menyediakan sokongan dan peluang yang sangat diperlukan untuk anak-anak muda kita bagi mewujudkan masa depan yang lebih selamat, sihat dan cerah," sabda DYTOM.

Bersama tangani isu penyalahgunaan, pengedaran dadah

>> Muka 1

Terdahulu, Pengarah BKN, Dato Paduka Haji Mohd. Zalani bin Haji Ismail dalam ucapan alu-aluannya berkata perjuangan kita dalam menangani isu penyalahgunaan dan pengedaran dadah ini bukanlah sesuatu yang mudah dan singkat. Namun, dengan kerjasama dan kesedaran bersama, kita mampu membina generasi yang lebih sihat dan berdaya saing.

'Memperkasa Masyarakat Masa Depan Tanpa Dadah' jelasnya adalah merupakan tema sambutan tahun 2024 iaitu mengajak semua pihak untuk mengambil langkah proaktif dalam mendidik, menyokong dan membina masyarakat yang berdaya tahan terhadap masalah penyalahgunaan dadah.

Menurut Dato Paduka Haji Mohd. Zalani, ia merupakan seruan untuk membentuk generasi akan datang kepada yang lebih baik, di mana individu dan komuniti dapat hidup harmonis dan bebas daripada kesan negatif penyalahgunaan

dadah.

Dalam memperkasakan usaha BKN dalam memerangi gejala penyalahgunaan dan pengedaran dadah yang terus menular dalam masyarakat, Dato Paduka Haji Mohd. Zalani seterusnya berkata, BKN melancarkan Kurnia Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Video Kurnia Sabda tersebut terangnya, adalah inisiatif dari BKN dalam berusaha untuk menyebarkan maklumat dan kesedaran tentang bahaya dadah serta pentingnya mengambil langkah pencegahan.

"Kurnia Sabda mengandungi mesej anti-dadah dan kata-kata perangsang khususnya bagi belia dalam mempergiatkan usaha memerangi dadah dengan menyeroni gaya hidup yang aktif dan kreatif, meluangkan masa dengan aktiviti-aktiviti keagamaan, kebajikan, kekeluargaan dan kemasyarakatan demi untuk kesejahteraan negara pada masa depan.

"Seterusnya, mesej sabda juga

menyeru kepada penglibatan semua pihak dalam usaha menangani masalah dadah yang mencakup kepentingan nasional," ujar beliau lagi.

Dato Paduka Haji Mohd. Zalani seterusnya menambah, kita bukan sahaja berkumpul untuk merayakan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram, tetapi juga untuk mengingatkan diri kita mengenai amanah dan tanggungjawab yang mesti kita pikul dalam sama-sama berperanan menangani kesan ancaman yang terbit daripada kegiatan penyalahgunaan dan pengedaran dadah.

Beliau turut melahirkan harapan, agar melalui sambutan ini, semua pihak dan lapisan masyarakat akan mengambil langkah proaktif dalam mendidik, menyokong dan membina masyarakat yang berdaya tahan terhadap masalah penyalahgunaan dadah.

Majlis kemudiannya diikuti dengan pelancaran video Kurnia Sabda dan kemudiannya diteruskan dengan Forum Khas



bertajuk 'Memperkasa Masa Depan Tanpa Dadah'.

Ahli panel forum adalah terdiri daripada Profesor Adjung Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Haji Mohd Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos dan Profesor Adjung Antropologi dan Sosiologi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Yang Berbahagia Datuk Dr. Zafari bin Zulkifli, manakala Pensyarah Akademi Pengajian Brunei, UBD, Dr. Zulhilmi bin Haji Jaidin selaku moderator forum.

Antara inti pati forum mengongsikan bahawa dalam menghadapi cabaran ini, kerjasama antara pelbagai pihak adalah sangat penting. Ia memerlukan pendekatan yang menyeluruh dan bersepudu yang melibatkan agensi-agensi kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, sokongan dan dukungan masyarakat, serta semua individu yang menyedari

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (atas). Manakala gambar kiri, para ahli panel forum pada majlis tersebut.

akan bahaya dan kesan dari kegiatan penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram.

Pendidikan dan kesedaran adalah senjata utama dalam menangani isu ini. Dengan memberi pengetahuan yang tepat tentang bahaya penyalahgunaan dadah, ia dapat mencegah generasi akan datang daripada terjebak dalam kancang ini.

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk bersatu dalam memerangi isu ini. Melalui forum berkenaan, para peserta berpeluang untuk mendengar pandangan, perkongsian pengalaman serta cadangan daripada pakar-pakar dan pihak berkepentingan dalam menangani isu ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai dari jabatan kerajaan dan swasta, institusi pendidikan kerajaan dan swasta, Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta Majlis Belia di Negara Brunei Darussalam.



YANG DI-PERTUA MMN TERIMA KUNJUNGAN HORMAT



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Oktober. – Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, hari ini menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Eve Lubin.

Pertemuan berkenaan membincangkan isu-isu semasa termasuk lawatan dari Parlimen Republik Perancis pada tahun lalu

yang berhasrat bagi mengukuhkan hubungan antara kedua-dua dewan perundangan.

Perbincangan turut menyentuh mengenai inisiatif menubuhkan kumpulan persahabatan serta peranan penting Republik Perancis sebagai rakan dialog di persidangan AIPA sebagai pertubuhan yang dianggotai oleh parlimen-parlimen ASEAN.

Kedua-dua pihak juga berkongsi pandangan mengenai sistem perundangan masing-masing dan berharap dapat mempelajari antara satu sama lain melalui amalan terbaik serta lawatan pada masa hadapan.

Turut hadir semasa kunjungan hormat berkenaan ialah Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

Mengetengahkan kemahiran membawakan Lagu Dikir Brunei, Syarafil Anam



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Pertandingan Dikir Brunei Peringkat Akhir bagi Pegawai dan Kakitangan Kementerian-kementerian sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

BERAKAS, Selasa, 8 Oktober. - Dikir Brunei adalah sebagai salah satu dikir yang telah diamalkan sejak zaman-berzaman dan seni dikir berkenaan perlu dipraktikkan dan dipelihara agar ia tidak hilang ditelan zaman.

Dengan menguasai kemahiran berdikir, terutama Lagu-lagu Dikir

Brunei, masyarakat Islam dapat berperanan dalam mengekalkan dikir Brunei berkenaan, memandangkan ramai pendikir yang masih kurang kemampuan dalam menyampaikan lagu-lagu berkenaan.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM)

melalui Bahagian Imarah bersama dengan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop menganjurkan Pertandingan Dikir Brunei Peringkat Akhir bagi Pegawai dan Kakitangan Kementerian-kementerian sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi.

Pertandingan yang berlangsung di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakkil Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop berkenaan menyaksikan pasukan dari Kementerian Pertahanan menjuarai Kategori Kumpulan Lelaki dengan memperoleh markah tertinggi 97.95 peratus. Sementara pasukan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) meraih naib juara dengan memperoleh 95.90 peratus, manakala berada di tempat ketiga ialah pasukan dari Jabatan Perdana Menteri dengan markah 93.20 peratus.

Sementara itu, juara bagi

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Kumpulan Perempuan pula disandang oleh pasukan dari Kementerian Pendidikan dengan jumlah markah 94.90 peratus, naib juara pula dari pasukan dari KHEU dengan kutipan markah 91.50 peratus, manakala tempat ketiga diberikan kepada pasukan Kementerian Pertahanan dengan jumlah markah 86.50 peratus.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; dan Pemangku Timbalan Setiausaha

Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Antara tujuan pertandingan berkenaan diadakan adalah untuk melahirkan pegawai-pegawai dan kakitangan di kementerian - kementerian serta AJKTM yang mahir membawakan lagu-lagu dikir Brunei dan Dikir Syarafil Anam sekali gus mengetahui cara alunan dikir dengan betul tanpa melakukan kesilapan.

Selain itu, untuk meningkatkan keyakinan diri para peserta menyertai pelbagai pertandingan dikir yang akan diadakan pada masa hadapan.

Semoga dengan penganjuran pertandingan seumpama berkenaan akan dapat memeriahkan dan menyemarakkan lagi sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui acara-acara keagamaan bagi Tahun 1446H/2024M.



DOA KESYUKURAN SEMPENA ULANG TAHUN PENUBUHAN TAIB



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu khas pada Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat di Masjid Az-Zakireen (atas dan kiri).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Ulang Tahun Perbadanan TAIB disambut setiap tahun sempena memperingati pelancaran rasmi organisasi berkenaan pada 29 September 1991 yang telah disempurnakan dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Perbadanan TAIB merupakan peneraju di Negara Brunei Darussalam sebagai institusi kewangan pertama yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan selaras dengan prinsip-prinsip Islam. Juga hadir ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah, Pengarah-pengarah Urusan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya, pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya.

Pada masa penubuhannya,

MERAGANG, Selasa, 8 Oktober. - Sempena Ulang Tahun Penubuhannya Ke-33 Tahun, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) dan anak-anak syarikatnya; Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd.; Darussalam Holdings Sdn. Bhd. dan TAIB Filling Station Sdn. Bhd. mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat di Masjid Az-Zakireen, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Meragang.

Hadir selaku tetamu khas ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman

selaku Penasihat Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Timbalan Pengerusi Perbadanan TAIB dan Penolong Mufti ('Ifta), Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Dennie bin Haji Abdullah selaku Pengerusi Jawantankuasa

Penasihat Syariah Perbadanan TAIB.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Imam Tingkat II Masjid Az-Zakireen, Awang Haji Shahbirin bin Haji Mohd. Noor.

Seterusnya bacaan Surah Yaa Siin yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Az-Zakireen, Awang Haji Nurhidayatullah bin Haji Zulkiflee. Acara diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Pegawai Eksekutif, Jabatan Syariah Perbadanan TAIB, Awang Haji Md. Yusruddin bin PSKDPSS Dr. Ustaz Haji Yahya.

Usaha memperkuuh pengajaran, pembelajaran berkualiti



Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Alishahrin Haji Mumin

YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Persidangan Hari Guru (kiri). Manakala gambar kanan, bawah kiri dan bawah kanan, sekitar majlis berkenaan.

dengan Sesi Learning Circle bersama penyampaian ucaptama yang akan dipengerusikan oleh Penolong Pensyarah, Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, KUPU SB, Awang Haji Mohammad Khairul Azhar bin Idris. Bagi hari kedua persidangan, sebanyak 77 pembentangan kertas selari dan 10 bengkel juga akan diadakan.

Persidangan Hari Guru ini dianjurkan bersama oleh Unit Guru, Akademi Kepimpinan Guru Brunei Darussalam (BDLTA), Jabatan Pengurusan Pendidikan; Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, UBD dan Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, KUPU SB.

Antara tujuan persidangan ini adalah untuk memberikan pandangan berdasarkan bukti bagi memperbaiki sistem pendidikan Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, persidangan ini



bertujuan sebagai platform untuk para pendidik meningkatkan pengetahuan mengenai cara membina daya tahan dalam konteks tema persidangan, di samping terlibat dalam perbincangan yang informatif serta mempromosikan amalan berdasarkan bukti dalam pendidikan bagi memperkuuh pengajaran dan pembelajaran berkualiti di negara ini.

>> Muka 1

Dalam ucapan alu-aluannya, Dr. Hajah Hardimah menyatakan persidangan tahun ini diteruskan lagi dengan tema yang sama sejak dua tahun lalu iaitu 'Membina Ekosistem Pendidikan Yang Berdaya Tahan'.

Tema ini menurut beliau kekal penting, mencerminkan komitmen dalam melengkapkan pelajar untuk masa depan melalui literasi digital, pembelajaran, peribadi dan

memupuk kemahiran berfikiran kritis.

"Ekosistem pendidikan yang berdaya tahan adalah penting untuk memastikan misi kami menyediakan pendidikan berkualiti kekal inklusif, menangani pelbagai keperluan semua pelajar dan memberi mereka peluang yang lebih besar untuk mencapai potensi sepenuhnya mereka," tambahnya.

Persidangan tahun ini akan meneroka 29 sub-tema, yang dianjurkan kepada tiga kategori

iaitu 'Memperkasakan Pelajar untuk Masa Depan'; 'Menginovasi Ekosistem Pendidikan' dan 'Membangunkan Sumber Manusia'.

Acara diteruskan dengan penyampaian ucaptama bertajuk 'Beyond the Hype : Making AI Work for You' oleh Profesor Madya Lynn Christina Gribble dari University of New South Wales (UNSW), Sydney.

Sesi pagi diakhiri dengan Sesi Learning Circle bersama penyampaian ucaptama yang dipengerusikan oleh Timbalan Dekan, Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, UBD, Dr. Siti Norhedyah binti Haji Abdul Latif. Sesi petang diteruskan dengan bengkel bertajuk 'Prompt Engineering Bootcamp' yang dikendalikan oleh penyampaian ucaptama, Profesor Madya Lynn Christina Gribble, UNSW, Sydney.

Hari kedua persidangan akan diteruskan dengan penyampaian ucaptama bertajuk 'Rasulullah Uswah Guru Terbaik Sepanjang Zaman' oleh Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Persidangan berkenaan diikuti



MENGUKUHKAN LATIHAN, AMALAN RESUSITASI DI NBD



YANG Berhormat Menteri Kesihatan ketika berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Oktober. — Kementerian Kesihatan melalui Unit Perkembangan dan Pemantauan Resusitasi (Resuscitation and Development and Monitoring Unit - RDMU) menjalankan tinjauan dari November 2022 hingga Januari 2023 untuk menilai Sijil Basic Life Support (BLS) dan Advanced Cardiac Life Support (ACLS) bagi profesional penjagaan kesihatan di lapan fasiliti, termasuk Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan Pusat Kesihatan Utama.

Daripada 3,403 profesional penjagaan kesihatan yang ditinjau, 42 peratus memiliki Sijil BLS yang sah, didahului dengan paramedik diikuti oleh doktor gigi, doktor dan jururawat.

Untuk ACLS, 30 peratus paramedik, 17 peratus doktor dan dua peratus jururawat telah disahkan. Walaupun angka-angka berkenaan menunjukkan ruang yang perlu diperbaiki dalam kesihatan sijil, ia tidak mencerminkan kekurangan kemampuan disebabkan jurang berkenaan mungkin merupakan akibat daripada gangguan yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 dari 2020 hingga 2022.

Walau bagaimanapun, situasi berkenaan memberi peluang untuk meningkatkan program latihan dan meningkatkan kadar sijil.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar pada Majlis Perasmian Kementerian Kesihatan sebagai Pusat Latihan Antarabangsa Persatuan Jantung Amerika (American Heart Association - AHA) bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, beberapa inisiatif telah dilaksanakan untuk mengukuhkan latihan dan amalan resusitasi di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan menjadi salah satu inisiatif utama bagi Dasar dan Rangka Kerja Resusitasi Kementerian Kesihatan yang ditubuhkan pada 2020, yang memberi panduan tentang keperluan latihan profesional penjagaan kesihatan, pelaksanaan Senarai Semak Troli

Resusitasi dan pembentukan Jawatankuasa Fasiliti Resusitasi.

Dasar ini tambah Yang Berhormat, sedang disemak semula untuk memasukkan keperluan bagi fasiliti kesihatan berasaskan komuniti dan juga menyediakan borang Audit dan Dokumentasi Serangan Jantung yang standard untuk digunakan di seluruh fasiliti kesihatan dalam memastikan dokumentasi dan audit yang konsisten.

Yang Berhormat juga turut meneckan peranan kritis yang dimainkan oleh semua fasiliti penjagaan kesihatan dalam mengekalkan standard tinggi kesiapsiagaan resusitasi, di bawah kepimpinan Pengarah Klinikal, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Perubatan mereka.

"Melalui Jawatankuasa Pemulihar yang dilantik, para pemimpin ini mestilah memastikan bahawa Troli Resusitasi sentiasa dalam keadaan baik dan latihan Code Blue diadakan secara berkala untuk membiasakan kakitangan dengan peralatan resusitasi dan aliran kerja yang sedia ada.

"Saya gembira untuk menyatakan bahawa beberapa hospital dan Pusat Kesihatan daerah telah secara proaktif menjalankan latihan yang melibatkan semua kakitangan, termasuk pembersih kontrak dan petugas keselamatan, serta menganjurkan latihan meja untuk mengenal pasti jurang dalam

bertindak balas saat kecemasan.

"Saya juga dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan merancang untuk menganjurkan bengkel mengenai pengenalan Senarai Semak Troli Resusitasi untuk jururawat di semua fasiliti," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan kementerian juga telah mengambil inisiatif untuk membangunkan spesifikasi standard bagi Defibrillator Luaran Automatik (Automated External Defibrillators-AED) dan Defibrillator Manual di seluruh fasiliti penjagaan kesihatan.

Penyeragaman berkenaan jelas Yang Berhormat, meningkatkan kecekapan selain memastikan keselarasan bagi profesional penjagaan kesihatan semasa kecemasan dan meningkatkan keberkesanannya. Inisiatif ini akan diperluas kepada peralatan resusitasi kritis lain, seperti monitor pusat dan alat resusitasi yang lainnya.

Yang Berhormat dalam pada itu turut mengongsikan bahawa Kementerian Kesihatan telah membuat pelaburan dalam menaik taraf Pusat Resusitasi Kebangsaan untuk mewujudkan persekitaran latihan yang kondusif bagi fakulti, pengajar dan penyedia, memperkuat komitmen kementerian terhadap standard tinggi dalam latihan resusitasi dan akhirnya meningkatkan hasil rawatan pada

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

pesakit.

Penubuhan Pusat Latihan Antarabangsa AHA berkenaan ujar Yang Berhormat, bukan sahaja satu pencapaian untuk Kementerian Kesihatan, ia adalah bukti dedikasi kolektif kita terhadap kecemerlangan dalam penjagaan kesihatan.

"Pusat ini memberikan kita peluang untuk bekerjasama, belajar dan berkembang dalam kita berusaha mencapai standard tertinggi menerusi latihan resusitasi.

"Saya menggesa para peserta untuk mengambil peluang yang ditawarkan oleh Pusat Latihan ini dan menjadi pemimpin dalam latihan resusitasi dan membuat perbezaan yang bermakna dalam kehidupan mereka yang kita rawat.

"Saya turut berbesar hati mengalu-alukan Pengarah Serantau AHA bagi Asia Pasifik dan China, Alina Zhuang; dan Pengarah Pendidikan dan Kualiti AHA bagi Asia Pasifik dan China, Neil Huerbin atas dedikasi mereka untuk meningkatkan latihan resusitasi di negara kita dan ia adalah sangat dihargai dan berkeyakinan bahawa kepakaran mereka akan membantu Pusat Latihan di negara ini beroperasi pada standard antarabangsa yang tertinggi," ujar Yang Berhormat lagi.

Kementerian Kesihatan terima akreditasi sebagai Pusat Latihan Antarabangsa AHA



YANG Berhormat Menteri Kesihatan ketika hadir pada perasmian Kementerian Kesihatan sebagai Pusat Latihan Antarabangsa (International Training Centre - ITC) Persatuan Jantung Amerika (atas kiri) manakala gambar atas kanan, sekitar program tersebut.



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Oktober. — Kementerian Kesihatan dengan bangganya mengumumkan akreditasi terbaharunya sebagai Pusat Latihan Antarabangsa (International Training Centre-ITC) Persatuan Jantung Amerika (American Heart Association-AHA), berkuat kuasa mulai 24 Februari 2024.

Sehubungan itu, perasmian majlis berkenaan yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan itu dihadiri oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku tetamu kehormat majlis.

Terdahulu, Pengarah Perkhidmatan Hospital dan Pengurusan Lembaga Resusitasi Kebangsaan, Dr. Hajah Lailawati binti Haji Jumat juga selaku

Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya berkata program latihan akan dilaksanakan dalam dua peringkat, iaitu peringkat pertama akan memfokuskan kepada latihan anggota Fakulti Basic Life Support (BLS) dan Advanced Cardiac Life Support (ACLS) ITC serta pengajar BLS dan ACLS.

Menurut beliau, seramai 11 Profesional Penjagaan Kesihatan yang terdiri daripada pakar klinikal kanan daripada pelbagai kepakaran akan menyertai Kursus Fakulti BLS dan ACLS ITC. Di samping itu, 17 profesional penjagaan kesihatan akan mengambil bahagian dalam Kursus Pengajar BLS dan ACLS, kebanyakannya adalah jururawat dan paramedik yang kini aktif sebagai pengajar dalam di dalam kementerian.

"Program latihan akan

berlangsung di Pusat Resusitasi Kebangsaan (National Resuscitation Centre-NRC), yang baru sahaja menjalani pengubahsuaian untuk menyediakan persekitaran yang lebih kondusif bagi menyampaikan latihan resusitasi berkualiti tinggi.

"Selepas ini, peringkat kedua akan melihat para pengajar yang dilatih pada peringkat satu menjalankan Kursus Penyedia BLS dan ACLS AHA pertama mereka pada akhir tahun," ujarnya.

Dr. Hajah Lailawati seterusnya menambah bahawa perasmian Kementerian Kesihatan sebagai Pusat Latihan Antarabangsa AHA yang diluluskan merupakan satu pencapaian penting dalam komitmen berterusan untuk meningkatkan latihan dan standard resusitasi di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Penetapan baharu berkenaan

katanya, akan memastikan bahawa Kursus Penyedia BLS dan ACLS AHA disampaikan mengikut standard antarabangsa, membekalkan peserta dengan kemahiran dan pengetahuan penting yang diperlukan dalam situasi kritis.

Melangkah ke hadapan terangnya, terdapat hasrat yang kuat untuk memperluas peluang latihan yang tidak ternilai berkenaan kepada profesional penjagaan kesihatan daripada institusi swasta yang bekerjasama rapat dengan Kementerian Kesihatan.

Inisiatif ini tambahan, bertujuan bukan sahaja untuk mengukuhkan tenaga kerja penjagaan kesihatan di dalam negara tetapi juga untuk mengalu-alukan peserta antarabangsa, memupuk budaya kecemerlangan dalam latihan resusitasi merentas sempadan.

"Selain BLS dan ACLS, terdapat juga rancangan untuk memperkenalkan kursus Sokongan Hidup Lanjutan Pediatrik (Paediatric Advanced Life Support-PALS) menjelang pertengahan tahun depan, bergantung kepada ketersediaan sumber yang diperlukan.

"Perkembangan ini adalah sebahagian daripada visi yang lebih luas yang mungkin juga merangkumi kursus penting lain seperti Program Resusitasi Neonatal dan ACLS untuk penyedia berpengalaman.

"Inisiatif ini secara kolektif akan menyumbang kepada rangka kerja penjagaan resusitasi yang lebih kukuh, akhirnya meningkatkan hasil pesakit dan menyelamatkan nyawa dalam komuniti kita," ujarnya lagi.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Majlis perasmian turut menampilkan ucapan video daripada Naib Presiden Kanan AHA Antarabangsa, Christopher D' Esposito dan ucaptama Pengarah Serantau AHA bagi Asia Pasifik dan China, Alina Zhuang.

Pencapaian berkenaan membolehkan Kementerian Kesihatan, dengan kerjasama Fakulti Latihan Serantau AHA, melancarkan Program Latihan Pelatih (Train-the-Trainers -ToT) pertamanya, yang memfokuskan kepada peningkatan kapasiti latihan resusitasi tempatan bagi profesional penjagaan kesihatan.

Program berkenaan merangkumi kursus penting seperti Kursus Fakulti Pusat Latihan (Training Centre Faculty-TCF) dan Kursus Penyedia serta Pengajar BLS dan ACLS.

>> Muka 10

PEMBANGUNAN SEKTOR PELANCONGAN PERLU KERJASAMA SEMUA PIHAK



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir ke Sesi Dialog bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Oktober. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) pagi tadi mengadakan Sesi Dialog bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bertempat di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP, di sini.

Hadir ke Sesi Dialog tersebut ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiati binti Haji Abdul Wahab; Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim; pengarah-pengarah jabatan dan ketua-ketua bahagian serta pegawai-pegawai kanan KSSUP.

Dalam ucapan alu-aluananya, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menekankan kepentingan pendekatan Whole of Nation dalam usaha untuk terus memperkuatkan sektor pelancongan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Yang Berhormat seterusnya menyatakan bahawa pembangunan sektor pelancongan bukan sahaja tanggungjawab Jabatan Kemajuan Pelancongan, tetapi ia memerlukan kerjasama



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hasif Matzin

dan komitmen daripada semua pihak, termasuk sektor awam dan swasta.

Semasa sesi tersebut, Yang Berhormat Ahli-ahli MMN telah diberikan penerangan mengenai

pencapaian dan strategi serta inisiatif terkini Jabatan Kemajuan Pelancongan dalam membangunkan Sektor Pelancongan.

Inisiatif-inisiatif ini adalah sejajar dengan pelan hala tuju industri pelancongan NBD bagi Tahun 2024-2035 bagi meningkatkan daya saing serta menarik lebih

banyak pelancong, sambil memelihara warisan budaya dan semula jadi selaras dengan prinsip-prinsip kelestarian serta menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara.

Taklimat telah disampaikan oleh Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Salinah binti Haji Mohd. Salleh.

Sesi Dialog diikuti dengan sesi perbincangan dan soal jawab.

Kementerian Kesihatan terima akreditasi sebagai Pusat Latihan Antarabangsa AHA

>> Muka 9

Berikut majlis berkenaan, 11 pakar klinikal kanan daripada pelbagai kepakaran akan menjalani latihan Training Centre Faculty (TCF) untuk menjadi anggota Fakulti BLS dan ACLS Kementerian Kesihatan ITC.

Inisiatif berkenaan bertujuan untuk memperkuuh kepakaran sedia ada dengan membekalkan mereka dengan metodologi pengajaran maju yang disesuaikan untuk Program AHA, membolehkan mereka mengendalikan Kursus Asas Pengajar BLS dan ACLS AHA dengan berkesan dan mengembangkan kapasiti pengajar tempatan.

Selepas menamatkan latihan TCF, 17 profesional penjagaan kesihatan, terutamanya jururawat dan paramedik yang kini berkhidmat sebagai pengajar dalam akan menyertai Kursus Pengajar BLS dan ACLS.

Inisiatif berkenaan bertujuan untuk mengembangkan pasukan tenaga pengajar yang disahkan oleh AHA untuk Heartsaver, BLS, dan ACLS dengan melatih lebih ramai profesional daripada kakitangan penjagaan kesihatan kementerian, menambah kepada 29 pengajar yang sudah disahkan.

Latihan akan diadakan di Pusat Resusitasi Kebangsaan yang baru sahaja dinaik taraf, yang direka untuk menyokong pendidikan resusitasi berkualiti tinggi.

Berikut program ToT, Kementerian Kesihatan ITC akan melancarkan Kursus Penyedia BLS dan ACLS yang pertama yang disahkan oleh AHA pada akhir tahun ini, yang seterusnya akan mengesahkan profesional penjagaan kesihatan sebagai penyedia BLS dan ACLS.

Kementerian Kesihatan ITC menyasarkan latihan tahunan untuk sekurang-kurangnya 480 orang dalam Pertolongan Cemas, CPR dan AED melalui kursus Heartsaver; kira-kira 1,600 kakitangan penjagaan kesihatan dalam BLS dan sekitar 360 dalam ACLS.

Beberapa perancangan juga sedang dijalankan untuk memperkenalkan kursus-kursus AHA lanjutan, seperti Sokongan Hidup Lanjutan Pediatrik (Paediatric Advanced Life Support-PALS), Program Resusitasi Neonatal (Neonatal Resuscitation Program-NRP) dan latihan khusus lain untuk profesional penjagaan kesihatan Kementerian menjelang tahun depan.

Kementerian Kesihatan ITC akan dikoordinasikan oleh Penyelaras Pusat Latihan (Training Centre Coordinator-TCC), Dr. Linawati binti Haji Jumat dan disokong oleh Unit Pembangunan dan Pemantauan Resusitasi (Resuscitation Development and Monitoring Unit-RDMU), Kementerian Kesihatan.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; pegawai kanan dan kakitangan dari Kementerian Kesihatan.

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA


 Kementerian کمیتین
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM



TIPS

1 Pilih makanan segar dan tidak berproses

2 Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat

3 Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4 Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5 Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

Item	Sodium Content	Quantity
Mee Segera	1385 mg	1 bungkus
Telur Masin	1000 mg	Sebijik
Kicap	880 mg	1 sudu makan
Cornd Beef	376 mg	3 sudu makan
Keropok Ubi Kentang	295 mg	1 bungkus kecil
Keropok Udang Tempatan	243 mg	1 bungkus kecil
Kentang Goreng	120 mg	1 cawan
Kacang Tanah (Salted)	116 mg	Segenggam
Kraker Beras	15 mg	3 keping
Amping	2.4 mg	1/2 cawan
Kacang Tanah (Unsalted)	1.7 mg	Segenggam
Pisang	1.2 mg	Sebijik ukuran sederhana

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok


hpcbrunei.gov.bn

 Health Promotion Centre
 
 Talion Darussalam 123

LAWATAN KERJA KONGSI PANDANGAN, PENGALAMAN KEHAKIMAN SYARIAH



BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 8 Oktober. — Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri telah menerima Lawatan Kerja daripada Ketua Hakim Syar'ie Negeri Sabah, Yang Amat Arif Datuk Ahadin bin Arinen bersama Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan delegasi dari Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah (JKSNS), baru-baru ini.

Lawatan Kerja tersebut berlangsung di Tingkat 2, Bilik Persidangan Utama, Bangunan Mahkamah Besar dan Mahkamah-mahkamah Syariah,

Dalam Lawatan Kerja tersebut, Ketua Hakim Syar'ie, Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar berkesudian menerima Lawatan Kerja daripada delegasi JKSNS.

Ikon serta dalam Lawatan Kerja tersebut adalah Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Yang Amat Arif Dato' Mohamad Shakir bin Haji Abul Hamid.

Turut serta mengalukan Lawatan Kerja tersebut adalah Panel-panel Hakim Mahkamah

Bandar Seri Begawan. Dalam Lawatan Kerja tersebut, Ketua Hakim Syar'ie, Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar berkesudian menerima Lawatan Kerja daripada delegasi JKSNS.

Ikon serta dalam Lawatan Kerja tersebut adalah Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Yang Amat Arif Dato' Mohamad Shakir bin Haji Abul Hamid.

Turut serta mengalukan Lawatan Kerja tersebut adalah Panel-panel Hakim Mahkamah

Rayuan Syariah, Yang Amat Arif Dato Seri Setia Awang Haji Tassim bin Haji Akim dan Yang Amat Arif Dato Seri Setia Awang Haji Md. Zaimi bin Haji Talip dan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Amat Arif Dato Seri Setia Haji Johar bin Haji Muhamad.

Turut mengalukan, Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Amat Arif Haji Hassan bin Haji Metali dan Yang Amat Arif Haji Muhammad Bahrin bin Haji Alias serta Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pengiran Mohammadaddin bin Pengiran Haji Aliakbar dan beberapa pegawai kanan dari Mahkamah Syariah.

YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syar'ie, Negara Brunei Darussalam semasa menerima Lawatan Kerja daripada Ketua Hakim Syar'ie Negeri Sabah, Yang Amat Arif Datuk Ahadin bin Arinen bersama Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan delegasi dari Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah (atas dan atas kiri).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah-mahkamah Syariah

Pada Lawatan Kerja tersebut Yang Amat Arif Datuk Ahadin bin Arinen bersama JKSM dan delegasi dari JKSNS mengambil kesempatan membuat diskusi dua hala bersama Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diketuai oleh Ketua Hakim Syar'ie, NBD.

Dalam perbincangan tersebut, kedua-dua pihak bertukar-tukar

pandangan dan pengalaman dalam perkara-perkara berkaitan kehakiman syariah yang mempunyai kepentingan bersama bagi kedua-dua negara di mana diharapkan akan dapat mengeratkan lagi hubungan di antara NBD dan Malaysia serta meningkatkan pengurusan kehakiman syariah kedua-dua pihak.

Berkongsi amalan terbaik dalam kerjasama kehakiman

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 8 Oktober. — Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon menghadiri Pembukaan Tahun Perundangan di England and Wales pada Selasa, 1 Oktober 2024.

Pembukaan Tahun Perundangan berkenaan meneruskan tradisi lama yang disambut oleh ahli-ahli profesion perundangan di England and Wales, dan tahun ini menandakan kali pertama Ketua Hakim Mahkamah Besar dari Negara Brunei Darussalam hadir.

Peristiwa bersejarah berkenaan yang menandakan permulaan tahun perundangan di England and Wales, dimulakan dengan upacara di Westminster Abbey di mana para hakim tiba dalam perarakan rasmi melalui Abbey.

Upacara berkenaan dimulakan dengan bacaan oleh The Lord Chancellor and Secretary of State for Justice, the Right Honourable Shabana Mahmood MP dan the Lady Chief Justice of England and Wales, the Right Honourable Dame Sue Carr.

Selepas upacara di Westminster Abbey, majlis sarapan pagi seterusnya diadakan di Westminster Hall di Houses of Parliament anjuran The Lord Chancellor, dengan menghimpunkan ahli-ahli profesion perundangan.

Mereka yang dijemput ke majlis berkenaan termasuk hakim dari England and Wales, pegawai kanan kehakiman, Pegawai Undang-undang Crown, King's Counsel (KCs), hakim dan peguam luar negara, Ahli-ahli Mahkamah Eropah serta menteri-menteri Kerajaan.

Turut hadir bersama Ketua Hakim Mahkamah Besar pada



YANG Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar semasa menghadiri Pembukaan Tahun Perundangan di England and Wales (atas dan atas kanan).

majlis berkenaan ialah Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Besar, Dayang Hajah Hazarena binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Hurairah dan pegawai kanan kehakiman dari Jabatan Kehakiman Negara, NBD.

Ketua Hakim Mahkamah Besar dan delegasi kemudian



■ Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam

Courts of Justice pada Rabu, 2 Oktober 2024.

Ini diikuti dengan lawatan dan pertemuan dengan Ketua Majistret England and Wales, Hakim Daerah Kanan, Paul Goldspring di Mahkamah Majistret Westminster.

Manakala pada Khamis, 3 Oktober 2024, Ketua Hakim Mahkamah Besar dan delegasi bertemu dengan Timbalan Presiden Mahkamah Agung United Kingdom (UK), the Right

Honourable Lord Hodge.

Ketua Hakim Mahkamah Besar dan rakan sejawatannya di Badan Kehakiman England and Wales serta Mahkamah Agung UK mengadakan perbincangan yang bermanfaat mengenai bidang kerjasama kehakiman termasuk pentadbiran mahkamah, teknologi mahkamah dan penggunaan kecerdasan buatan, serta pendidikan dan latihan kehakiman.

Bacaan Tasyahhud Bagi Maknum Yang Masbuq

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

DUDUK tahiyyat awal dilakukan pada rakaat kedua dalam sembahyang yang bilangan rakaatnya melebihi dua rakaat seperti sembahyang Zuhur, Asar, Maghrib dan Isya. Manakala duduk tahiyyat akhir pula dilakukan pada rakaat akhir sebelum memberi salam dalam sembahyang.

Bacaan *tasyahhud awwal* dan duduk tahiyyat awal adalah termasuk dalam sunat *ab'adah* sembahyang. Jika ditinggalkan, sembahyang seseorang tidak batal namun sunat melakukan sujud sahwai pada penghujung sembahyang. Bacaan *tasyahhud akhir* ketika duduk tahiyyat akhir pula merupakan rukun *qauli* iaitu bacaan yang diwajibkan dalam sembahyang. Jika ditinggalkan, sembahyang seseorang itu hukumnya tidak sah.

Membaca *tasyahhudawwal* adalah sunat sama ada bagi orang yang sembahyang seorang diri (*munfarid*), bagi imam atau maknum. Namun bagi maknum yang *masbuq* dalam sembahyang berjemaah, apakah bacaan *tasyahhud* yang ditutut bagi maknum yang *masbuq* semasa imam duduk tahiyyat akhir sedangkan maknum yang *masbuq* itu pada rakaat yang kedua, atau semasa imam duduk tahiyyat awal atau tahiyyat akhir sedangkan maknum yang *masbuq* itu pada rakaat selain rakaat kedua. Penjelasan mengenainya sebagaimana yang berikut:

Bacaan Semasa Duduk Tahiyyat Awal dan Tahiyyat Akhir

Bacaan *tasyahhud awwal* yang disunatkan ketika duduk tahiyyat awal itu ialah membaca *tasyahhud* diikuti dengan *shalawat* ke atas Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam. Bacaan *tasyahhud awwal* tidak disunatkan untuk menambah *shalawat* ke atas ahli keluarga Baginda Shallallahu 'alaihi wasallam dan makruh memanjangkan bacaan *tasyahhud awwal* dengan membaca doa kerana *tasyahhud awwal* itu adalah bacaan yang ringan. Bacaan *tasyahhud awwal* dengan lafaz *tasyahhud* yang paling sempurna yang masyur serta *shalawat* ke atas Nabi

Shallallahu 'alaihi wasallam itu adalah sebagaimana berikut:

اَرْجَأْتُ الصَّلَاوَاتِ الطَّيِّبَاتِ لِلَّهِ، السَّلَامُ عَلَيْكَ اَنْشَدْتُ اَنْ لَا إِلَهَ اِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ سَلَامٌ عَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ، اَشْهَدُ اَنْ لَا إِلَهَ اِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Ertinya: Segala penghormatan, keberkatan, sembahyang serta amal shalih adalah bagi Allah. Salam sejahtera, rahmat dan keberkatan Allah ke atasmu wahai Nabi. Salam sejahtera ke atas kami dan para hamba Allah yang shalih. Aku naik saksi bahwasanya tiada tuhan melainkan Allah, dan aku naik saksi bahwasanya Nabi Muhammad adalah Pesuruh Allah. Ya Allah! Limpahkanlah shalawat ke atas Sayyidina Muhammad.

Bacaan *tasyahhud akhir* yang wajib dibaca ketika duduk tahiyyat akhir ialah membaca *tasyahhud* dan diikuti dengan *shalawat* ke atas Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam sebagaimana bacaan *tasyahhud awwal*. Setelah selesai daripada bacaan yang diwajibkan, disunatkan menambah *shalawat* ke atas ahli keluarga Baginda dan disunatkan juga membaca *shalawat* yang paling sempurna (*akmal*) iaitu membaca *shalawatal-Ibrahimiyyah*. Setelah selesai membaca *tasyahhud akhir*, disunatkan untuk membaca doa-doa dan yang afodal yang dibaca ialah doa yang *ma'tsur*.

Bacaan *tasyahhud akhir* dengan lafaz *tasyahhud* yang paling sempurna dan *shalawat* yang paling sempurna ke atas Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dan ahli keluarga Baginda adalah sebagaimana berikut:

اللَّهُ وَرَبُّكُمْ أَنْتَ، السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ، اَشْهَدُ اَنْ لَا إِلَهَ اِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ اَنْ مُحَمَّداً رَسُولَ اللَّهِ، اللَّهُ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَعَلَى اَنْ شَيْءَنَا مُحَمَّدٌ، وَعَلَى اَنْ شَيْءَنَا يَاهْرُونَ، وَبِاللَّهِ عَلَى اَنْ شَيْءَنَا تَحْمِلُنَّ، وَعَلَى اَنْ شَيْءَنَا حَمِلْنَّ، كَمَا بَارَكْتُ عَلَى سَيِّدِنَا يَاهْرُونَ، كَمَا بَارَكْتُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى اَنْ شَيْءَنَا يَاهْرُونَ فِي الْعَالَمَيْنِ، اِنَّكَ خَيْرٌ جَمِيعَهُ.

Ertinya: Segala penghormatan, keberkatan, sembahyang serta amal shalih adalah bagi Allah. Salam sejahtera, rahmat dan keberkatan Allah ke atasmu wahai Nabi. Salam sejahtera ke atas kami dan para hamba Allah yang shalih. Aku naik saksi bahwasanya tiada tuhan melainkan Allah, dan aku naik saksi bahwasanya Nabi Muhammad adalah Pesuruh Allah. Ya Allah! Limpahkanlah shalawat ke atas

Sayyidina Muhammad dan ke atas ahli keluarga Sayyidina Muhammad, sebagaimana Engkau telah limpahkan shalawat ke atas Sayyidina Ibrahim dan ke atas ahli keluarga Sayyidina Ibrahim, dan berkatilah Sayyidina Muhammad dan ke atas ahli keluarga Sayyidina Muhammad, sebagaimana Engkau telah berkatilah Sayyidina Ibrahim dan ke atas ahli keluarga Sayyidina Ibrahim di kalangan penduduk seluruh alam, sesungguhnya Engkau lah Yang Maha Terpuji lagi sangat melimpah kebaikan dan kemurahannya.

Bacaan Tasyahhud Awwal Bagi Masbuq

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah*, bacaan *tasyahhud awwal* adalah bacaan yang ringan sebagaimana yang dijelaskan di atas. Ia disunatkan sama ada bagi orang yang sembahyang sendirian, imam atau maknum. Namun bagi maknum yang *masbuq*, bacaan *tasyahhud* yang ditutut adalah tertakluk kepada beberapa keadaan berikut.

i. Imam pada rakaat akhir dan maknum pada rakaat kedua

Jika imam berada pada rakaat akhir dan melakukan duduk tahiyyat akhir dan maknum yang *masbuq* berada pada rakaat kedua dan duduk tahiyyat awal, maka dalam hal ini maknum yang *masbuq* wajib mengikuti imamnya duduk tahiyyat dan sunat baginya duduk *iftirasy* iaitu sepertimana duduk tahiyyat awal. Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* sunat baginya membaca *tasyahhud awwal*.

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* lagi, jika maknum yang *masbuq* lebih dahulu selesai bacaan *tasyahhud awwal* sedangkan imam masih membaca *tasyahhud akhir*, maka sunat baginya berdoa atau berzikir sehingga imam memberi salam dalam sembahyang.

ii. Imam pada rakaat kedua dan maknum pada selain rakaat kedua

Jika imam berada pada rakaat kedua dan melakukan duduk tahiyyat awal dan maknum yang *masbuq* bukan berada pada rakaat kedua seperti dia pada rakaat pertama atau rakaat ketiga atau belum mendapat satu rakaat ber sama imam, maka wajib bagi maknum yang *masbuq* mengikuti imam duduk tahiyyat dan sunat baginya duduk *iftirasy* serta sunat baginya membaca *tasyahhud awwal*. Jika maknum



IRSYAD HUKUM
جَانَتْ مَفْيِي كَلْجَانْ
جَانَتْ مَنْتَيْ كَلْجَانْ دَلَمَرْ
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

yang *masbuq* lebih dahulu selesai bacaan *tasyahhud awwal* daripada imam, maka baginya sama ada diam, atau berzikir atau menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dia berdoa, namun berdoa atau berzikir itu adalah lebih utama berbanding diam.

iii. Imam pada rakaat akhir dan maknum pada selain rakaat kedua

Jika imam berada pada rakaat akhir dan melakukan duduk tahiyyat akhir dan maknum yang *masbuq* bukan berada pada rakaat kedua seperti dia pada rakaat pertama atau rakaat ketiga atau belum mendapat satu rakaat ber sama imam, maka wajib bagi maknum yang *masbuq* mengikuti imam duduk tahiyyat dan sunat baginya menyempurnakan bacaan *tasyahhud akhir* kerana mengikut imam, atau membaca *tasyahhud awwal* kemudian jika maknum yang *masbuq* lebih dahulu selesai bacaan *tasyahhudawwal* dia menambah bacaan doa atau zikir.

Antara contoh doa itu ialah seperti doa memohon keampunan bagi dirinya iaitu زَيْنَةَ الْغَنَوْمَ لِيَأْغْفِرْ لِي
Zaynata al-Ghamm liyaaghfir li atau doa memohon keampunan bagi dirinya, ibu bapanya dan keseluruhan umat Islam iaitu زَيْنَةَ الْجَنَاحَ لِيَأْغْفِرْ لِي
Zaynata al-Jannah liyaaghfir li

Manakala contoh zikir pula antaranya ialah tasbih, tahlid, سُبْحَانَ اللَّهِ لَا إِلَهَ اِلَّا هُوَ
Subhanallah la ilah illa hu

Demikian penjelasan mengenai bacaan *tasyahhud* bagi maknum yang *masbuq*.



ALLAH Subhanahu Wata'ala telah berfirman dalam Surah Al-Isra', ayat 23 yang mafhumnya : "Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia semata-mata dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapa dengan sebaik-baiknya ..."

Apabila perkara berbuat baik diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala melalui firman-Nya ini, maka ia melibatkan kewajipan seorang anak untuk melaksanakan tanggungjawabnya. Adapun tanggungjawab semasa kedua ibu bapa tersebut masih hidup atau semasa hayat mereka antaranya ialah mengambil berat akan keadaan mereka dan selalu menziarahi mereka. Bagi anak-anak yang tinggal berasingan dari kedua ibu bapanya, menziarahi ibu bapa merupakan salah satu perbuatan yang menunjukkan bahawa seorang anak itu ingat dan mengambil berat akan hal keadaan orang tuanya. Sesungguhnya kehadiran anak-anak ketika menziarahi mereka akan dapat menggembirakan dan menyukarkan hati keduanya, apalagi jika mereka sakit dan memerlukan perhatian serta sokongan.

Berbakti kepada ibu bapa semasa hayat mereka

Selalu mendoakan kebaikan ibu bapa. Seorang anak yang sentiasa mendoakan kebaikan kedua ibu bapanya termasuk sebahagian dari amal baktinya kepada mereka. Berbuat bakti dan menyayangi mereka berdua tidak akan lengkap tanpa diiringi dengan doa yang berterusan. Sesungguhnya doa-doa yang dipohonkan daripada anak-anak yang salih dan salihah adalah khazanah ibu bapa yang amat berharga, kerana ia merupakan perbuatan dan amal bakti yang tidak akan pernah putus buat selama-lamanya. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 24 yang mafhumnya :

"Dan hendaklah engkau merendah diri dengan penuh kasih sayang dan berdoalah (untuk kedua-duanya) : "Ya Tuhan! Kurniakanlah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah memelihara dan mendidikku sejak kecil (lagi)".

Mendahulukan ibu bapa dalam banyak perkara. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda sebagaimana Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abdullah bin 'Amru bin al-'Ash dia berkata yang maksudnya :

"Seorang lelaki telah datang menghadap

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, lalu ia berkata : "Aku bai'at (berjanji setia) dengan mu akan ikut hijrah dan berjihad, kerana untuk mencari pahala dari sisi Allah". Baginda bertanya : "Apakah kedua orang tuamu masih hidup?" Jawab lelaki itu : "Masih, bahkan kedua-duanya masih hidup". Baginda bertanya lagi : "Apakah kamu mengharapkan pahala dari Allah?" Jawabnya : "Ya!" Lalu baginda bersabda : "Pulanglah kamu kepada kedua orang tuamu, lalu berbaktiilah pada keduanya dengan sebaik-baiknya".

Mengapa Islam menetapkan bagi seorang anak untuk lebih mendahulukan ibu bapanya dalam banyak perkara? Ini kerana kita tahu bahawa perintah bagi seorang anak berbakti kepada kedua orang tuanya adalah diletakkan selepas melaksanakan perintah beribadah dan menyembah Allah Subhanahu Wata'ala serta mentaati Rasul-Nya. Oleh kerana itu, kepentingan mendahulukan ibu bapa dalam banyak perkara adalah perkara utama.

Apabila seorang anak bercakap di hadapan kedua ibu bapanya hendaklah menggunakan bahasa yang lemah lembut dan janganlah sekali-kali mereka

menengking seperti meninggikan suara, membantah percakapan atau suruhan yang bermaksud merendahkan kedudukan ibu bapa dan sebagainya. Kata-kata yang kesat atau kasar yang diucapkan oleh seorang anak tentulah lebih mudah menjadikan ibu bapanya sedih dan menitiskan air mata. Setitis air mata ibu atau bapa yang mengalir disebabkan oleh seorang anak, maka ia tergilang sebagai anak derhaka. Sebagaimana yang disebutkan oleh Imam Al-Bukhari di dalam kitabnya al-Adab al-Mufrad iaitu daripada Ibnu 'Umar Radhiallahu 'anhuma, beliau berkata yang maksudnya :

"Menyebabkan kedua ibu bapa menangis termasuk di antara perkara derhaka dan dosa-dosa besar".

Bersyukurlah bagi anak-anak yang masih mempunyai kedua ibu bapa, kerana dengan keduanya mereka dapat berbakti untuk mendapatkan balasan baik yang setimpal dengan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Luqman, ayat 14 yang mafhumnya :

"... bersyukurlah kepada-Ku dan kepada ibu bapamu. Kepada Aku jualah tempat kembali".

BINCANG PERATURAN BERKAITAN KESELAMATAN, KESEJAHTERAAN JEMAAH HAJI

Siaran Akbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal
Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 8 Oktober. - Mesyuarat Persiapan Pengurusan Haji bagi Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi diadakan pada petang tadi di antara Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Negara Brunei Darussalam (NBD) bersama Kementerian Haji dan Umrah, Arab Saudi secara dalam talian.

Mewakili KHEU pada mesyuarat berkenaan, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Sofian, selaku wakil Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Arab Saudi; Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Salminan bin Haji Burut; Setiausaha Ketiga, Awang Haji Khairul Amri bin Haji Bolhassan, selaku wakil Pemangku Konsul Agung NBD di Jeddah; Pengarah Urusan Haji, KHEU, Awang Haji Abdulla bin Haji Mohammad; Pemangku Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, KHEDN, Awang Haji Azmi bin Haji Abdul Rahim; Pemangku Penolong

Pameran Foto Diraja bukti keakraban hubungan NBD - Malaysia



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) selaku Pengerusi mewakili KHEU pada Mesyuarat Persiapan Pengurusan Haji bagi Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Pengarah Urusan Haji, KHEU, Awang Haji Mohd. Hisham bin Awang Haji Maidin; dan Ataci Perhubungan Haji, Konsulat Agung NBD di Jeddah, Awang Haji Muhammad Naqib bin Haji Awang.

Mesyuarat berkenaan membincangkan mengenai peraturan-peraturan dan kehendak-kehendak yang berkaitan dengan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan jemaah haji NBD dan isu-isu yang berbangkit dalam pengurusan haji pada musim haji tahun lalu bagi tujuan penambahbaikan dan memastikan kelancaran pengurusan haji pada Musim Haji Tahun 1446H / 2025M.

Hasil daripada mesyuarat berkenaan akan dibawa ke mesyuarat peringkat menteri pada Januari nanti, semasa menghadiri 4th Edition of the Hajj Conference and Exhibition di Arab Saudi.



مقرنکن اقیکاسی موده الیه جابتی قرنغش



Dapatkan aplikasi dan muat turun di

Available on the App Store GET IT ON Google Play

Memperkenalkan Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat Berita Terkini
- Meningkatkan Perkongsian Maklumat
- Pelaksanaan Yang Cepat Dan Mudah
- Menjurus Ke Arah Paperless Dan Green IT

Gunakanlah Aplikasi Kami!

'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

SETIAUSAHA Tetap (Politik dan Pertubuhan-pertubuhan Antarabangsa), Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan pameran berkenaan (kiri dan kanan). Manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BANDAR SERI BEGAWAN,
Isnin, 7 Oktober. - Dalam menyambut Ulang Tahun Ke-40 Penubuhan Hubungan Diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia, Jabatan Muzium-muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Suruhanjaya Tinggi Malaysia mengadakan Pameran Foto Diraja Malaysia dan NBD. Pameran berkenaan diadakan di Galeri Seni, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan pameran berkenaan, Setiausaha Tetap (Politik dan Pertubuhan - pertubuhan Antarabangsa), Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Pengiran Norhashimah binti Pengiran Mohd. Hassan.

Sebanyak 55 foto dipamerkan

bagi meraikan hubungan dua hala di antara NBD dan Malaysia dengan memperlihatkan keakraban dan hubungan persahabatan di antara kedua-dua buah negara.

Terdahulu, dalam ucapan alu-aluan Pemangku Pengarah Muzium-muzium, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus antara lain menyatakan bahawa pameran berkenaan diharap dapat menunjukkan hubungan erat di antara NBD dan Malaysia bukan sahaja bertapak di bawah rumpun Melayu dan Islam, malahan

melalui pertalian kekeluargaan dan sejarah yang bersimpul erat ratusan tahun lamanya.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Duta-duta dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi Luar Negara di NBD, Timbalan Setiausaha Tetap, pengarah-pengarah, dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Pameran berkenaan dibukukan untuk kunjungan orang ramai bermula 7 Oktober 2024 sehingga 7 November 2024 pada setiap Sabtu hingga Khamis, bermula jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

DOA KESYUKURAN SEMPENA HARI HABITAT SEDUNIA



SETIAUSAHA Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat majlis (bawah). Manakala gambar atas, juga hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Oktober. - Hari Habitat Sedunia disambut pada Isnin pertama bulan Oktober setiap tahun dan tema pada tahun ini ialah 'Engaging Youth To Create A Better Urban Future'.

Bagi meraikan serta memberkati pembukaan sambutan Hari Habitat Sedunia pada tahun ini, Jabatan Kemajuan Perumahan mengadakan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dan Doa Kesyukuran bertempat di Masjid Az-Zakireen, Perumahan Negara Kampung Meragang.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak.

Turut hadir ialah Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan pegawai serta kakitangan Kementerian Pembangunan.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyah serta Doa Kesyukuran dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Perumahan


Jangan Memandu Laju Sentiasa Berwaspada


Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

-  Always Wear a seatbelt
-  No mobile phones while driving
-  Speeding is dangerous
-  Do not drive under influence
-  Wear helmet and proper attire while riding
-  Always watch out for other road users
-  Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

MINDA PEMBACA

Hargai warga Perkhidmatan Awam

WARGA Perkhidmatan Awam di Negara Brunei Darussalam memainkan peranan penting dalam memajukan negara dan memastikan kebajikan rakyat sentiasa terjaga. Warga Perkhidmatan Awam terdiri daripada individu yang bekerja dalam sektor kerajaan, termasuk guru, pegawai pentadbiran, doktor, jururawat, polis dan kakitangan keselamatan yang berkhidmat untuk memastikan kesejahteraan negara. Setiap individu dalam sektor ini melaksanakan tugas mereka dengan penuh dedikasi dan amanah untuk memastikan kelancaran pelaksanaan dasar kerajaan dan perkhidmatan kepada masyarakat.

Dalam menghadapi cabaran dunia moden, warga Perkhidmatan Awam

berdepan dengan pelbagai tanggungjawab, termasuk memastikan dasar-dasar pembangunan negara dilaksanakan dengan efektif. Selain itu, warga Perkhidmatan Awam juga memainkan peranan penting dalam membangunkan infrastruktur, pendidikan, kesihatan, dan keselamatan, yang menjadi tunjang kepada kemajuan negara. Sebagai contoh, semasa pandemik COVID-19, kakitangan kesihatan, pegawai keselamatan, dan pegawai-pegawai lain berada di barisan hadapan untuk melindungi negara daripada ancaman virus ini.

Penghargaan terhadap warga Perkhidmatan Awam sangat penting untuk memastikan mereka terus bermotivasi dan bersemangat dalam

menjalankan tugas. Pengiktirafan dalam bentuk sokongan moral, penghargaan awam serta ganjaran yang setimpal dengan kerja keras mereka boleh meningkatkan komitmen mereka. Di samping itu, kerajaan perlu memastikan warga Perkhidmatan Awam diberi peluang untuk meningkatkan kemahiran melalui latihan berterusan serta menyediakan suasana kerja yang sesuai.

Masyarakat juga perlu menghargai warga Perkhidmatan Awam melalui sikap yang positif dan hormat ketika berurus dengan mereka. Sikap sabar, memahami, dan kerjasama yang baik adalah bentuk penghargaan yang boleh kita berikan dan ini juga mewujudkan suasana kerja yang lebih baik yang membolehkan warga

Perkhidmatan Awam memberikan perkhidmatan yang lebih cekap.

Kesimpulannya, warga Perkhidmatan Awam adalah penggerak utama dalam memastikan negara berfungsi dengan baik. Peranan dan sumbangan mereka tidak boleh dipandang ringan, kerana mereka adalah harapan kepada kestabilan dan kemajuan negara. Menghargai warga Perkhidmatan Awam bukan sahaja satu kewajipan, tetapi juga satu cara untuk memastikan hubungan yang harmoni antara kerajaan dan rakyat serta perkhidmatan yang berkualiti kepada semua.

Nama : Norfadzelah binti Haji Ahmad
No. K/P: 01-031XXX



Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Teladani Sunnah Rasulullah Dalam Kehidupan Seharian'. Tarikh Tutup : 9 Oktober 2024
2. 'Menjaga Keamanan Serantau'. Tarikh Tutup : 16 Oktober 2024
3. 'Melindungi Kesejahteraan, Kebajikan Warga Emas'. Tarikh Tutup : 23 Oktober 2024

Termasuk Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3500
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PUPUK SEMANGAT HARGAI WARISAN SENI BUDAYA



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis.



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TUNGKU LINK, Isnin, 7 Oktober. - Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Rashidah dan Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi, Temburong masing-masing muncul johan Peringkat Akhir Pertandingan Tarian Brunei Asli bagi Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab serta Pertandingan Tarian Etnik Brunei bagi Sekolah-sekolah Rendah Senegara Tahun 2024.

Naib johan bagi Pertandingan Tarian Brunei Asli disandang oleh Sekolah Menengah Sufri Bolkiah dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri mendapat tempat ketiga.

Manakala Sekolah Rendah Perpindahan Kampung Bukit

Beruang II menyandang naib johan Pertandingan Tarian Etnik Brunei dan Sekolah Rendah Rataie Mukim Bokok, Temburong memenangi tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Sebanyak 11 pasukan dari sekolah menengah serta maktab kerajaan dan swasta telah menyertai Pertandingan Tarian Asli, di mana lima pasukan berjaya mara ke peringkat akhir.

Sementara itu, sebanyak 29



pasukan dari sekolah rendah kerajaan dan swasta telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Tarian Etnik dan hanya lima pasukan turut berjaya mara ke peringkat akhir.

Antara objektif pertandingan ini adalah untuk menggalakkan dan menarik minat para pelajar bagi memahami dan mempelajari gerak tari dan jenis-jenis Tarian Brunei Asli serta Tarian Etnik Brunei.

Di samping itu, pertandingan ini juga diharap dapat memupuk semangat cintakan seni budaya dan menghargai warisan seni budaya masyarakat Brunei dan sekali gus untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam diri mereka.

Pertandingan yang dianjurkan bersama oleh Bahagian Kesenian dan Kreativiti, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan dan Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Universiti Teknologi Brunei.

ANTARA yang menyertai Peringkat Akhir Pertandingan Tarian Brunei Asli bagi Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab serta Pertandingan Tarian Etnik Brunei bagi Sekolah-sekolah Rendah Senegara Tahun 2024 (kiri sekali dan kiri).

KESIHATAN

Manfaat alam semula jadi kepada kesihatan

TEKNAN atau stres sememangnya adalah lumrah bagi seorang manusia. Tidaklah dinamakan manusia jika awda tidak mengalami sebarang stres dalam kehidupan awda. Tetapi jika stres yang dialami oleh seseorang itu tidak dapat dikawal, ia boleh menjelaskan kesihatan dan kesejahteraan hidup individu. Sebab itulah, awda perlu mencari cara menangani stres dan mengenali penyebab stres yang berlaku.

Tekanan yang dilalui setiap hari boleh mendorong masalah kepada kesihatan kita. Tetapi adakah awda percaya bahawa alam semula jadi boleh memberikan manfaat kesihatan secara keseluruhan kepada manusia?

Alam semula jadi dan manfaat kesihatan

Terdapat satu kajian saintifik yang menunjukkan bahawa meluangkan masa 'bersama' alam seperti berada di tengah-tengah pokok boleh memberikan manfaat fizikal dan psikologi yang berlipat ganda.

Antaranya, ia dipercayai dapat membantu mengurangkan kemurungan, memperbaiki tumpuan mental bagi individu belia dan lebih berusia. Bukan sekadar itu sahaja, alam semula jadi juga dikatakan dapat membantu mengatasi masalah kesihatan seperti Demensia serta isu berkaitan tingkah laku remaja.

Manfaatkan alam semula jadi

Kesan yang diperoleh itu adalah daripada manfaat ketenangan mental kepada pesakit Demensia yang hadir apabila 'berinteraksi' dengan alam semula jadi. Kesan ini telah diketengahkan dalam satu analisis penyelidikan yang dijalankan oleh ahli psikologi dari Bournemouth University.

Dalam laporan penyelidikan yang diterbitkan dalam Jurnal Dementia menyatakan alam semula jadi dapat meningkatkan mood, tingkah laku dan proses pemahaman mental serta merangsang deria.

Walau bagaimanapun, para penyelidik memberitahu, kebanyakan individu yang mengalami Demensia sering mengabaikan manfaat ini. Keadaan ini berlaku disebabkan mereka berhenti untuk melawat tempat-tempat semula jadi seperti hutan kerana bimbang golongan ini akan

hilang, tersesat atau mengalami kekeliruan.

Berhubung dengan alam

Kawasan hutan pokok juga dipercayai dapat menawarkan manfaat tertentu dalam membantu individu menangani tekanan. Sebagai contoh, terdapat satu analisis Denmark yang terdiri lebih daripada 130 kajian mengenai manfaat ketenangan daripada hutan. Analisis tersebut menyatakan individu dewasa yang terdedah kepada alam semula jadi dapat mengurangkan tahap tekanan fizikal dan emosi yang dialami dengan ketara.

Penemuan ini disokong oleh Pengasas Nature & Therapy UK yang pernah mengendalikan program dalam hutan bersama pasukan kakitangan yang bertugas dalam perkhidmatan kesihatan mental kanak-kanak dan remaja.

Antara aktiviti yang dilakukan dalam program tersebut adalah melibatkan berjalan di sepanjang laluan sambil melakukan latihan minda dan fokus untuk menghubungkan peserta dengan alam semula jadi.

Kesimpulan

Terdapat banyak lagi kajian lain yang boleh membuktikan mengenai kebaikan alam semula jadi kepada manusia, sama ada secara fizikal maupun mental. Tetapi pada akhirnya, ia tetap bergantung kepada individu itu sendiri.

Kebaikan maupun manfaat yang ditawarkan tidak mungkin dapat diperoleh jika awda tidak mempunyai inisiatif untuk melakukannya. Segalanya bermula daripada diri awda sendiri. Kebaikan itu tidak akan turun dari langit semata-mata.

Marilah mulakan untuk kembali mendekatkan diri awda dengan alam. Letakkan ke tepi segala gajet dan nikmatilah ciptaan Tuhan. Berikan badan awda peluang untuk kembali menghirup udara segar, siapa tahu mungkin awda akan lebih bertenaga dan bersemangat selepas itu.

Permaisuri suri teladan berbudi pekerti penuh bestari

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Ihsan Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam Pengiran Haji Matarsat, Datin Paduka Hajah Suraya Noraidah Abdullah, Datin Hajah Masni Haji Awang Ali, Jabatan Penerangan

PESONA seorang permaisuri sering menjadikan kekaguman ramai dengan seraut wajah lembut dan penuh sifat kewanitaan apatah lagi saat berada di khalayak ramai, begitulah kejelitaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam permaisuri sanjungan rakyat jelata Brunei Darussalam. Baginda merupakan seorang modal insani yang cukup disegani dan dihormati sebagai permaisuri di Negara Brunei Darussalam apatah lagi aura kecantikan baginda disaluti dengan budi pekerti yang tinggi dan kebijaksanaan, setentulnya pengaruh baginda menyerlah dan memikat jiwa. Kedulian dan kebaikan hati baginda juga telah menjadikan baginda sebagai 'Ratu Hati Rakyat Jelata'.

Dalam temu bual bersama Pengiran

Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat, Naib Yang Dipertua 1 Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD), Yang Dipertua MWNBD dari tahun 2010 hingga 2015 merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana mempunyai seorang permaisuri yang sangat penyayang, pemeliharaan, dermawan dan prihatin terhadap semua lapisan masyarakat termasuk kaum wanita dan kanak-kanak.

Justeru itu,

jelas Pengiran Datin Paduka,

baginda sangat disanjung tinggi, dihormati dan disayangi oleh

semua peringkat masyarakat dan

keberangkatan baginda dalam

majlis-majlis rasmi sangat

dinanti-nantikan. Sikap prihatin dan

pemedulian baginda terhadap

kepentingan masyarakat dan orang

ramai terutama kaum wanita dan

keluarga sering disentuh dalam

titah-titah baginda.

"Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Raja Isteri

Pengiran Anak Hajah Saleha merupakan

lambang wanita yang berperibadi tinggi,

menjadi idola, contoh semua wanita dari

seggi perwatakan, keperibadian,

keikhlasan dan keterampilan. Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Raja Isteri yang terserlah

keayuan baginda dengan wajah

keibuan, sentiasa menampakkan

keceriaan dan penuh kemesraan dan

begitu ramah kepada sesiapa sahaja

yang ditemui," terangnya.

Selain itu, ujarnya, dalam titah-titah

peratasan dan acara-acara rasmi,

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda

Raja Isteri sering memberikan motivasi

dan dorongan kepada kaum hawa untuk

terus menimba ilmu pengetahuan dan

kemahiran yang diperlukan untuk

negara, di samping perlu seimbang

dalam tugas dan tanggungjawab

kepada keluarga terutama dalam memberikan bimbingan dan perhatian yang secukupnya terhadap pendidikan anak-anak.

"Alhamdulillah, sebagai seorang permaisuri yang sangat disayangi dan amat prihatin kepada rakyat dan penduduk negara ini terutama kaum wanita, baginda juga berkenan menjadi patron atau penaung kepada beberapa persatuan dan perkumpulan wanita negara ini, antaranya MWNBD yang menjadi payung bagi 13 persatuan dan perkumpulan wanita di negara ini. Selain, baginda juga patron kepada Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI), Persatuan PERTIWI, Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD), Badan Kebajikan Isteri-Isteri Pegawai, Pegawai-pegawai dan Kakitangan Wanita Kerajaan Negara Brunei Darussalam (BISTARI), Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI), Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSW), Persatuan Brunei Shell Ladies (BSLA) dan Persatuan Jururawat Negara Brunei Darussalam (PENJURU). Alhamdulillah, MWNBD merafakkan sembah setinggi-tinggi menjunjung kasih atas sokongan, keperihatinan, pemeliharaan dan kemurahan hati Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri mengurniakan sumbangan peribadi baginda untuk tabung kegiatan MWNBD beberapa tahun yang lalu," terangnya.

Bersempena dengan Hari Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda

Raja Isteri sempena Hari Puja Usia baginda pada tahun ini dan mendoakan semoga baginda sentiasa dilimpahkan taufik dan hidayah-Nya serta sentiasa dalam keadaan sihat walafiat, dianjurkan sihat walafiat, mendapat petunjuk rahmat dan keredaan-Nya.

Yang Dipertua

BASMIDA,

Datin Hajah

Masni binti Haji Awang Ali

semasa

temu bual

menjelaskan

di mana

Ahli-ahli

Persatuan

BASMIDA

dan

Persatuan-persatuan

Bukan Kerajaan

lain turut merafakkan kesyuruan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah kurnia-Nya menganugerahkan permaisuri permata hati yang berjaya rakyat selaku Penaung BASMIDA yang penuh pemeliharaan dan prihatin.

Menurutnya lagi,

Kebawah DYMM

Paduka Seri Baginda

Raja Isteri

merupakan

penyuntik

semangat

dan

perangsang

serta inspirasi,

sentiasa mengambil berat akan kebajikan dan perkembangan PENJURU.

"Selaku Penaung kepada PENJURU, baginda merupakan sumber inspirasi bagi semua ahli dan kerabat PENJURU. Alhamdulillah, PENJURU juga turut merakaf sembah setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keperihatinan baginda dengan kemurahan hati baginda buat beberapa kali telah berkenan mengurniakan anugeraha sumbangan peribadi bagi membantu Persatuan PENJURU dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti tertentu yang bermanfaat kepada negara, sekali gus menjadikannya sebagai pembakar semangat PENJURU untuk terus berusaha dalam menabur bakti kepada negara yang dicintai ini," terang beliau.

Mewakili warga PENJURU, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik, dengan penuh hormat dan takzim merafakkan sembah ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri sempena Hari Puja Usia baginda pada tahun ini.

Yang Dipertua

BASMIDA,

Datin Hajah

Masni binti Haji Awang Ali

semasa

temu bual

menjelaskan

di mana

Ahli-ahli

Persatuan

BASMIDA

dan

Persatuan-persatuan

Bukan Kerajaan

lain turut merafakkan kesyuruan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah kurnia-Nya menganugerahkan permaisuri permata hati yang berjaya rakyat selaku Penaung BASMIDA yang penuh pemeliharaan dan prihatin.

Menurutnya lagi,

Kebawah DYMM

Paduka Seri Baginda

Raja Isteri

merupakan

penyuntik

semangat

dan

perangsang

serta inspirasi,

Permaisuri ratu inspirasi keanggunan

Cantik rupanau lagi bestari


Tinggi pula budi pokerti

Sifat keibuan berhati mulia, menyertah di mata hati,
Itulah Kesantunan Paduka Raja Isteri

Sentiasa menjadi kesayangan rakyat jelata negara ini

Paduka Raja Isteri penuh kesopanan
Tampil indah menawan anggun rupawan
Dengan gembira puja usia baginda diraikan
Rakyat jelata beraida kehadrat Allah memohon
keberkatan
Semoga Baginda Raja Isteri diberikan afiat
berpanjangan

Dirgahayu Kebawah Duli Tuan Patik.



Majlis sempena Sambutan Hari Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri

MWNBD DAN PENJURU

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



MADANG, Isnin, 7 Oktober. - Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) bersama Persatuan Jururawat Negara Brunei Darussalam (PENJURU) petang tadi menganjurkan Majlis Solat Fardu Asar Berjemaah, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

Majlis yang diadakan di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang itu dihadiri seramai 280 ahli dari persatuan-persatuan wanita yang bergabung di dalam MWNBD,

Ahli-ahli PENJURU serta beberapa orang ahli jemputan dari Brunei Shell Ladies Association (BSLA), dan Persatuan Membasmi Dadah (BASMDA).

Mendahului atur cara majlis, Solat Fardu Asar Berjemaah diimamkan oleh Imam Masjid SSBRPAD, diikuti dengan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyah beramai-ramai dan bacaan Surah Al-Fatihiyah dikepalai oleh Yang Dipertua MWNBD, Datin Hajah Dayang Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Setia Dato Paduka Haji Awang Mohd Yusof.

Sejurus itu, bacaan Surah Yaa Siin dan doa dipimpin oleh Ketua Bahagian Keagamaan MWNBD, Pengiran Hajah Rakiah binti Pengiran Haji Abu Bakar dari Persekutuan Guru-Guru Melayu



ANTARA yang hadir pada Majlis Solat Fardu Asar Berjemaah, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam (atas kiri dan atas kanan).

Brunei (PGGMB).

Sementara itu bacaan Doa Kesyukuran dibacakan oleh Dayang Hajah Fatimah binti Haji Ahmad dari Persatuan PERTIWI, dan seterusnya bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Dayang Hajah Julianawati binti Haji Hamdan dari Persatuan Kebajikan Perempuan, Daerah Belait.

Majlis yang dikendalikan oleh MWNBD ini merupakan salah satu aktiviti tahunan dan bagi menzahirkan tanda kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri selaku Penaung Diraja MWNBD dan PENJURU.

Melalui majlis seumpama ini, MWNBD dan badan-badan

serta persatuan-persatuan yang bergabung di dalamnya merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dilanjutkan usia, dikurniakan taufik dan hidayah, sihat walafiat dan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya memberi sokongan baginda yang berterusan kepada kaum wanita di negara ini pada amnya, dan khasnya kepada MWNBD dan PENJURU Negara Brunei Darussalam.

MWNBD mempunyai 13 buah persatuan terdiri dari Persatuan PERTIWI; Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI); Badan Kebajikan Isteri

Kerajaan; Pegawai-pegawai dan Kakitangan Wanita Kerajaan Brunei (BISTARI) Brunei Darussalam; Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait (PKP); PGGMB; Persatuan Kebajikan Gabungan Wanita Daerah Tutong (PERGANITA); Badan Kebajikan Wanita Perumahan Negara Lambak Kanan (BAKANITA); Persatuan Siswazah Wanita (PSW); Persatuan Belia Kampung Lambak (PERBEKAL); Persatuan Wanita Kampung Junjungan (PEWAJA); Persatuan Nurul Islam (PNI); Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD); dan Badan Kebajikan Isteri-isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI).

PEKERTI



PERKUMPULAN Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) semasa mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Isnin, 7 Oktober. - Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) baru-baru ini mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran bagi Sambutan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri

Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

Majlis yang berlangsung di Dewan Bankuet Mes, Kompleks Ibu Pejabat Polis berkenaan dihadiri oleh isteri Pesuruhjaya

Polis selaku Yang Dipertua PEKERTI, Pengiran Datin Hajah Zauyah binti Pengiran Haji Sulaiman.

Turut hadir ke majlis berkenaan ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PEKERTI dan ahli-ahli daripada ketujuh-tujuh cawangan PEKERTI.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai yang dipimpin oleh Dayang Norliza binti Abd. Jalil, iaitu isteri kepada Koperal 5536 Haji Masrody bin Haji Asli.

Seterusnya, majlis diteruskan lagi dengan bacaan Doa Khas bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, bacaan selawat-selawat pilihan, diikuti dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Majlis berkenaan adalah salah satu aktiviti tahunan PEKERTI dan dikendalikan oleh Badan Keugamaan PEKERTI yang dipengerusikan oleh Dr. Hajah Norirlenwati binti Haji Ismail. Selain itu, ia adalah bertujuan untuk memperingati Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri sebagai Penaung PEKERTI.

NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

Sentiasa Mengkekalkan Jarak Selamat

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

- Always Wear a seatbelt
- No mobile phones while driving
- Speeding is dangerous
- Do not drive under influence
- Wear helmet and proper attire while riding
- Always watch out for other road users
- Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

SEKOLAH PGGMB SUNGAI AKAR ANJUR SAMBUTAN HARI GURU

Siaran Akbar dan Foto : Sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei



SUNGAI AKAR, Selasa, 8 Oktober. - Suasana dalam mengenang jasa guru masih dirasakan oleh para guru dan murid-murid sekolah sempena dengan Sambutan Hari Guru Kali Ke-34 Tahun ini. Sekolah-sekolah di bawah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) sudah setentunya tidak lupa untuk sama-sama mengenang dan menghargai khidmat guru-guru.

Sehubungan itu, Sekolah PGGMB Sungai Akar telah mengadakan acara Sambutan Hari Guru Kali Ke-34 dengan pelbagai program bertempat di sekolah berkenaan di Kampung Sungai Akar.

Hadir pada acara tersebut ialah Timbalan Setiausaha Agung PGGMB, Awang Haji Yahya bin Haji Mirasan. Acara dimulakan dengan bacaan Doa Hari Guru oleh murid Tahun 3, diikuti dengan ucapan Guru Besar Sekolah PGGMB Sungai Akar, Awang Haji Ali@Mustapa bin Haji Talip.

JPP akan keluarkan Setem Kenang-kenangan

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Perkhidmatan Pos

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Oktober. - Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam akan mengeluarkan produk filateli, iaitu Setem Kenang-kenangan Ulang Tahun Ke-150 Pertubuhan Kesatuan Pos Sedunia pada Rabu, 9 Oktober 2024.

JPP akan memperkenalkan dua reka bentuk setem yang berharga 150 sen bagi setiap denominasi. Selain itu, JPP juga akan mengeluarkan Sampul Surat Rasmi Hari Pertama dengan harga 45 sen, melengkapkan koleksi filateli istimewa berkenaan.

Produk-produk filateli yang akan dijual adalah seperti Lembaran Setem Set Penuh yang tidak dipotong (*uncut*) mempunyai 24 keping setem berharga BND36; Set Setem berharga BND3; Sampul Surat Rasmi Hari Pertama bersetem berharga BND3.45; dan Sampul Surat Rasmi Hari Pertama tanpa setem berharga 45 sen.

Dalam ucapan alu-aluannya, Awang Haji Ali melahirkan rasa syukur dan gembira kerana dapat lagi meraikan Sambutan Hari Guru tahun ini. Menurutnya, tema sambutan tahun ini yang berbunyi 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan' menepati spektrum kontemporari landskap pendidikan di Negara Brunei Darussalam.

Antara ciri guru berkualiti itu, jelasnya, memiliki ilmu pengetahuan, kemahiran, integriti, kejujuran melaksanakan tugas dan tanggungjawab serta menjadi contoh kepada yang dipimpin.

Selain itu, tambahnya, para guru perlu bersedia menghadapi cabaran dan landskap pendidikan Abad Ke-21 dengan landskap teknologi yang cepat berubah dengan bertambahnya maklumat - maklumat yang berpusatkan kepada mesin dan juga media sosial.

Dari itu, guru-guru perlu mentransformasikan bidang masing-masing dalam landskap teknologi terkini. Manfaat yang diperoleh melalui era teknologi adalah lebih akses kepada maklumat dan sumber pembelajaran dan, sebagai pendidik, kita tidak lagi sepenuhnya berfokus kepada penggunaan kaedah *talk and chalk*.

Sekolah PGGMB akan terus berusaha untuk mengekalkan pencapaian cemerlang 100 peratus lulus dalam Peperiksaan PSR Tahun 2023 dan tahun-tahun sebelumnya, jelasnya.

Selaras dengan pendekatan dan perancangan pendidikan Abad Ke-21, Awang Haji Ali seterusnya berkongsi maklumat

dan memaklumkan bahawa sekolah akan melaksanakan Program STEM (Science, Technology, Engineering dan Mathematics) mulai tahun 2025.

Program ini merujuk kepada *setting the stage, exploration, key concept, practice and application exercise* dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini merupakan satu usaha jangka panjang untuk menghasilkan sumber tenaga lepasan sekolah yang berkualiti melalui transformasi pendidikan Abad Ke-21.


Acara juga diserikan dengan Persembahan Pentas oleh murid-murid daripada peringkat Kindergarten 1 hingga Kindergarten 3 dan Tahun 1 hingga Tahun 5, dengan mempersembahkan Lagu-lagu Hari Guru.

Tema pakaian sambutan bagi murid-murid ialah 'Cita-Cita Pekerjaan Saya'



SEKOLAH PGGMB Sungai Akar semasa mengadakan acara Sambutan Hari Guru Kali Ke-34 dengan pelbagai program bertempat di sekolah berkenaan di Kampung Sungai Akar (atas kiri, atas dan bawah).

yang digambarkan melalui persembahan pentas. Atur cara sambutan diteruskan pada sebelah petang hari tersebut bagi penyampaian hadiah-hadiah kepada guru-guru.



SETEM Kenang-kenangan Ulang Tahun Ke-150 Pertubuhan Kesatuan Pos Sedunia pada Rabu, 9 Oktober 2024 (kiri dan kanan).

Para penggemar koleksi setem dan orang ramai bolehlah memperoleh setem berkenaan bersama Sampul Surat Rasmi Hari

Pertama dengan mengunjungi cawangan-cawangan pejabat pos yang berdekatan mulai Rabu, 9 Oktober 2024, dari jam 8.00 pagi

hingga 3.00 petang.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Unit Pemasaran, Filatilik dan

Perhubungan Awam menerusi talian +673 7291679 atau +673 2222191, atau melalui e-mel di brustamp@post.gov.bn.



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Penerbitan Iklan
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

UNISSA / SB0045 / 2024 / 2025 -
Perkhidmatan Penyediaan dan Penyajian Makanan Minuman Secara Bertapau bagi Kolej Kediaman Kampus Gadong pada Bulan November 2024

UNISSA / SB0046 / 2024 / 2025 -
Perkhidmatan Penyediaan dan Penyajian Makanan Minuman Secara Bertapau bagi Kolej Kediaman Kampus Sinaut pada Bulan November 2024

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
23 Oktober 2024
Jam 2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan kepada pemberong-pemberong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan di dalam

Kelas:
V

Kategori:
M01

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
22 Oktober 2024 (Selasa)

Tarikh Tutup:
5 November 2024 (Selasa)
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 23 / 2024

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian Peralatan Hawa Dingin di Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Penerbitan Iklan Universiti Islam Sultan Sharif Ali

UNISSA / SB0042 / 2024 / 2025 -
Mencetak dan Menghantar Buku Jawapan Peperiksaan (Examination Answer Booklet) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0043 / 2024 / 2025 -
To Supply and Deliver Laboratory Equipment and Consumables for Project Creates "On-Field DNA Testing For Food And Agricultural Products" (CREATESDNA-UNISS11)

UNISSA / SB0044 / 2024 / 2025 -
Supply, Delivery, Installation, Configuration and Testing Monopod for Al-Kindi Bungalow, Sinaut Campus (Faculty Of Agriculture) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
23 Oktober 2024
Jam 2.00 Petang



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Bilangan Tawaran:
UBD / E8 / 004 / 2024 - [G]

Term Contract for One (1) Year Cleaning and Housekeeping Works (Building and Compound) for Universiti Brunei Darussalam

Kategori :
S02

Kelas:
III dan keatas

Bayaran Tawaran:
Bayaran Dokumen & Pentadbiran BND55.00 [Tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
5 November 2024
Jam 2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan kepada pemberong-pemberong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan di dalam

Kelas :
Open Class

Kategori :
KPB11A - Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :

Selasa,
15 Oktober 2024

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 36 / CQS / 2024-T / II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penstabilan Struktur Bangunan dan Membaik Pulih Keretakan Bangunan di Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Sungai Asam

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
29 Oktober 2024,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan kepada Pemborong-Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan di dalam

Kelas:
II, III & Pembekal yang diluluskan sahaja

Kategori:
E01 & E02 Sahaja

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
22 Oktober 2024
(Selasa)

Tarikh Tutup:
5 November 2024
(Selasa)
tidak lewat dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 035 / 2024

Nama Projek:
Membekal, Membuat dan Memasang Pusat Kawalan Motor (MCC) dengan Intgrasi Busbar Coupler untuk Pam Air Mentah No.3 & 4 di Stesen Pam Air Mentah Loji Rawatan Air Layong

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan kepada pemberong-pemberong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan di dalam

Kelas:
IV, V VI

Kategori :
B01 - Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
5 November 2024

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 37 / CQS / 2024-T / V

Nama Projek:
Bangunan Tambahan Sekolah-Sekolah: Sekolah Rendah Awang Haji Mohd Yusof Katimahar

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
19 November 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan kepada pemberong-pemberong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan di dalam

Kelas:
III / IV sahaja

Kategori:
[KA01 / KPB04 Sahaja]

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
22 Oktober 2024
(Selasa)

Tarikh Tutup:
5 November 2024





Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran:
KK / 209 / 2024 / JPK(TC)

Keterangan:

The Provision of Security Services for Sungai Liang Health Centre and Seria Health Centre, Department of Health Services, Ministry of Health for A Period of Three (3) Years

Kelayakan Pemborong / Pembekal:

Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Pasukan Polis Diraja Brunei di Bahagian Pelesenan Agensi Pengawalan Keselamatan

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 210 / 2024 / JPK(TC)

Keterangan:

The Provision of Security Services for Pekan Tutong Health Centre, Lamunin Health Centre, Sungai Kelugos Health Centre and Telisai Health Centre Department of Health Services, Ministry of Health for a Period of Three (3) Years

Kelayakan Pemborong / Pembekal:

Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Pasukan Polis Diraja Brunei di Bahagian Pelesenan Agensi Pengawalan Keselamatan

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 213 / 2024 / JPK(TC)

Keterangan:

The Provision of Security Services for Berakas Health Centre, Department of Health Services for a Period of Three (3) Years

Kelayakan Pemborong / Pembekal:

Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Pasukan Polis Diraja Brunei di Bahagian Pelesenan Agensi Pengawalan Keselamatan

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 219 / 2024 / ESTETRIPASH (TC)

Keterangan:

Term Contract for Maintenance of Plumping Services at Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital for a Period of Three (3) Years

Kelayakan Pemborong / Pembekal:

Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan atau Kementerian Pembangunan

Kelas:
II keatas

Kategori :
KPB04

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 220 / 2024 / LAB(TC)

Keterangan:

The Provision of Professional Laboratory Facility Cleaning, Waste Management and Grass Cutting Services for the Clinical Molecular Diagnostic Laboratory for Infectious Diseases (CMDLID) Building, Department of Laboratory Services, Ministry of Health for a Period of Three (3) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 221 / 2024 / LAB(TC)

Keterangan:

To Supply, Commission And Deliver Point-Of-Care Urinalysis Strips With Equipment Rental For Point Of Care Testing Section, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 222 / 2024 / JPKAS(TC)

Keterangan:

Clinical / Biohazard Waste Collection and Disposal Services for Foreign Workers Health Screening and Vaccination Centre for a Period of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
22 Oktober 2024
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang



Kes No.
BCY / DP / 163 / 2012

Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Ketiga dan Terakhir

Nama Penghutang : Noorshiqah binti Ismail (BYIC No.: 00-297371).
Alamat : No.5, Simpang 162-24, STKRJ Tungku, Gadong BE2519, Negara Brunei Darussalam.
Mahkamah - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam.
Nombor - Kebankrapan Bil.163 Tahun 2012 Banyaknya bagi



Dibukakan kepada
Pemborong-Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan di dalam

Kelas :
II & III sahaja

Kategori :
E01, M03 (Kod Baharu)

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 018 / 2024

Nama Projek :
Membekal, Mengantar dan Memasang Pam dan Motor untuk semua Zon Agihan di Loji Rawatan Air Seria

No. Projek :
2024ADKB / 2016 / 002002-001

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Kategori :
KA01 (Kod Baharu)

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 019 / 2024

Nama Projek :
Menaitkaraf Paip Pembetungan di Jalan Setia Pahlawan dan Jalan Jaya Negara, Kuala Belait

No. Projek :
2024ADKB / 2106 / 002-003-003

tiap-tiap satu ringgit - 100%. Pertama atau terakhir selainnya - Terakhir Bila Kena Dibayar - 21 Jun 2024. Di mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
4 Julai 2024

Kes No.
BCY / CP / 118 / 2020

Baiduri Bank Sendirian Berhad
- Pembiutang Penghakiman / Pemetisyen

Hajah Zurinah binti Haji Mohd. Kassim
(Kad Pengenalan Brunei No. 00-118234 – BYIC)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **18 Julai 2024**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
Hajah Zurinah binti Haji mohd. Kassim No.35, Jalan 86, RPN Kampung Rimba Negara Brunei Darussalam

Tarikh Permohonan :
1 Julai 2024

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Kelas :
IV, V & VI sahaja

Kategori :
KA01 (Kod Baharu)

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 020 / 2024

Nama Projek :
Pengaliran Air-Longkang Utama Menuju Stesen Saliran Kg. Sungai Bera, Seria

No. Projek :
DDS 1215-015 / ADBT-01

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
22 Oktober 2024

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
5 November 2024,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.



Keterangan Projek:
Kerja – Kerja Mengganti Lampu High Bay Bangunan Pasarneka, Jalan Pasarneka, Kuala Belait.

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

Kelas:
I dan II

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non – Refundable)

Bilangan Tawaran:
03 / BBS / SH / 2024 – 2025 J.1

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
22 Oktober 2024



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



- IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.**

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKAN MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

>> Muka 21

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Bertarikh :
22 Julai 2024

BCY / CP / 86 / 2022

BIBD At-Tamwil Berhad
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Nurol Azimah binti Haji Abd. Wahab
(BYIC No.00-316070)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-
a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **11 Julai 2024**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
Nurol Azimah binti Haji Abd. Wahab
No.11, Jalan 99,
RPN Lambak Kanan BC2315,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
23 Jun 2022

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **11 Julai 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 7 September 2024, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-buktii kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada pada **7 September 2024, jam 9.00 pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau

penghutang adalah ditetapkan pada pada **7 September 2024, jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyatakan penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh
7 Ogos 2024

BCY / CP / 4 / 2024

Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Rafidah binti Haji Mohammad (BYIC No.00-266230)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-
a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **1 Ogos 2024**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

Rafidah binti Haji Mohammad
No.33, Jalan 12,
Kampung Perpindahan
Lambak Kanan,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
18 April 2024

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **1 Ogos 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 14 September 2024, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-buktii kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada pada **14 September 2024, jam 9.30 pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau

wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyatakan penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh
7 Ogos 2024

BCY / CP / 4 / 2024

Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Muhammad Shah Rezza bin Junaidi (BYIC No.00-310873)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-
a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **29 Jun 2024**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

Muhammad Shah Rezza bin Junaidi
No.61, Simpang 165, Jalan 99,
Kampung Rimba,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
28 Mei 2024

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **29 Jun 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 14 September 2024, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-buktii kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada pada **14 September 2024, jam 9.30 pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau

dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh
7 Ogos 2024

BCY / CP / 265 / 2006

HSBC Finance (Brunei) Berhad
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

1. Muhamad Ali bin Hassan (BYIC No.00-078518)

2. Masnunah binti Moktal @ Mokti (BYIC No. 00-076849)

- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Pembatalan Perintah Penerimaan dan Notis Pelepasan / Pembatalan Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada **24 Februari 2011** telah dibatalkan pada **1 Ogos 2024**.

KES NO.
BCY/CP/636/2010

Bank Islam

Brunei Darussalam Berhad
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Haji Madni bin Samawi (BYIC NO. 00-045669)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada **24 Februari 2011** telah dibatalkan pada **1 Ogos 2024**.

Nama Penghutang:
Haji Madni bin Samawi

Alamat Penghutang:
No. 67, lot 7182,
Jalan Mumong, Kampung
Mumong, Kuala Belait,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:
7 Ogos 2024

KES NO.
BCY/CP/163/2012

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Noorshiqah binti Ismail (BYIC NO. 00-297371)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada **25 Januari 2014** telah dibatalkan pada **8 Ogos 2024**.

Nama Penghutang:
Noorshiqah binti Ismail
Alamat Penghutang: No. 5,
Simpang 162-24,
STKRJ Tungku, Gadong,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:
13 Ogos 2024

KES NO.
BCY/CP/636/2010

Baiduri Finance Berhad
(Previously filed by HSBC Finance (B) Berhad

- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Riazamisah binti Haji Omar (Kad Pengenalan Brunei No. 287275 – RBAF IC)

- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **8 Ogos 2024**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

Riazamisah binti Haji Omar
No.4, Simpang 355-86-19-13-51,
STKRJ Tungku, Katok A
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Permohonan :

17 Julai 2024

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau

Bertarikh :

13 Ogos 2024

NOTIS PEMBALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada **12 Jun 2008** telah dibatalkan pada **8 Ogos 2024**.

Nama Penghutang:
Noriah binti Haji Abdul Rahman
Alamat Penghutang:

No. 45, Kampung Meragang,
Jalan Kemangsi, BT2728,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:
13 Ogos 2024

Nur Sariyahminah binti Haji Jaffri

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar

دعا موهن كفـد الله سقـاي تـرسـلامـة درـفـدـ بلاـءـ دـانـ سـكـلـ جـنـيسـ فـيـاـكـيتـ

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ شَبَحَنَاكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ كَالِی۝.

تَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ كَالِی۝.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ كَالِی۝.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا فُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْقُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبِّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخَنَا وَبِاللَّهِ
آخْتَنَّنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعَرَةِ وَالْجَبَرُوتِ.
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلَنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّنِي نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرِصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّغْيَانَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطِفَكَ يَا لَطِيفُ يَا خَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ كَالِی۝.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anjaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahanatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami mulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذْنَا
سِنَةً وَلَا نَوْمًا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَاذِي يَشْفَعُ عِنْهُ
إِلَّا يَادُنْهُ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسَعْ كُرْبَيْسَيْهِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَا يَنْوِدُهُ
حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ۝

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَائِمًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الْرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَائِمِ، وَيُسْتَسْقَى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ الْمُحَمَّةِ
وَنَفْسٌ بِعَدِّ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّكَ لَا يَغْفِرُ الْذُنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْرُ بَچاءِنْ يَعْ مَبَاوَا كَبْرَاوَ نَتوْعَنْ سَاعِتَ بَسْرَ كَقْدُ قَعْمَلَنْ (تَولُقْ بَلَاءَ)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَمْيُ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi mengagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapat enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

Mahrajan Kaligrafi Islam Antarabangsa NBD 2024, 16-18 Oktober ini

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Oktober. - Mahrajan Kaligrafi Islam Antarabangsa Negara Brunei Darussalam (NBD) 2024 dihasilkan akan dapat menjadi landasan atau platform bagi membarigakan kewujudan dan peranan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) ke peringkat antarabangsa.

Sehubungan itu, festival berkenaan akan berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas selama tiga hari bermula dari 16 hingga 18 Oktober 2024 ini nanti.

Perkara tersebut dinyatakan semasa Sidang Media mengenai festival berkenaan bertempat di Bangunan PPKKI-YSHHB hari ini yang disampaikan oleh Penolong Ra'es (Pemangku Timbalan Ra'es), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha; Timbalan Pengarah (Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Norashikin binti Yusof; Pemangku Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Projek Khas), Awang Samsudin bin Haji Puasa dan Pemangku Pegawai PPKKI-YSHHB, Awang Hamdy bin Emran.

Penganjuran Mahrajan tersebut adalah untuk merapatkan dan mengeratkan hubungan persaudaraan dan persefahaman dengan institusi-institusi berkaitan dari dalam dan luar negara khususnya dalam bidang seni khat atau kaligrafi dan kesenian Islam.

Mahrajan Kaligrafi Islam Antarabangsa NBD 2024 ini adalah projek pertama yang julung kalinya dikendalikan secara berkolaborasi oleh YSHHB melalui PPKKI-YSHHB bersama dua buah institusi pengajian tempatan iaitu UNISSA dan KUPU SB dan sebuah institusi luar negara iaitu Islamic Research Centre and Islamic Art, History and Culture (IRCICA), Republik Turkiye.

Bagi pelaksanaannya, satu perjanjian dimeterai sebelum ini

bagi memupuk kerjasama bagi penganjuran Mahrajan atau festival itu bersama institusi-institusi berkenaan secara dalam talian dengan menggunakan mekanisme platform Zoom bersama IRCICA dan secara fizikal bersama UNISSA dan KUPU SB pada 12 Julai 2024, bertempat di PPKKI-YSHHB, Rumah Semaun, Jalan Jerambak.

Adapun Mahrajan atau festival itu juga bagi mengembangkan penyebaran ilmu seni kaligrafi ke pelosok serantau dan meningkatkan kesedaran umat Islam di negara-negara serantau dan antarabangsa terhadap kepentingan seni kaligrafi Islam dalam pelbagai aspek.

Mahrajan atau festival ini bersifat ilmiah yang dihasilkan bagi membuka ruang kepada pakar-pakar dan tenaga mahir tempatan dan luar negara berkumpul dan berkongsi pandangan dan memberikan tunjuk ajar yang setentunya dapat membantu dalam mengembangkan ilmu seni khat atau kaligrafi dan kesenian Islam kepada pencinta seni khat khasnya dan kepada orang awam amnya.

Tema bagi festival berkenaan ialah 'Pemberdayaan Seni Kaligrafi Islam' (Empowerment of Islamic Arts Calligraphy). Beberapa program menarik telah dirancang sepanjang Mahrajan Kaligrafi Islam Antarabangsa NBD 2024 yang akan diungkayahkan oleh keempat-empat pengajar bersama.

Antaranya Majlis Perasmian Mahrajan Kaligrafi Islam Antarabangsa NBD 2024; Pembentangan Kertas Kerja Utama (Ucaptama) daripada Yang Dipertua Seni Khat Kebangsaan Malaysia; Penyampaian Hadiah Pertandingan Seni Khat Peringkat Serantau Asia 2024 anjuran Bersama PPKKI-YSHHB dan IRCICA, Turkiye; Pameran Kaligrafi Islam Antarabangsa; Pembentangan Kertas Kerja dan Bengkel-bengkel Kaligrafi Islam daripada pakar-pakar penulis seni khat tempatan dan antarabangsa



SIDANG Media mengenai Mahrajan Kaligrafi Islam Antarabangsa Negara Brunei Darussalam 2024 berlangsung di Bangunan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

serta Pertandingan Seni Khat Secara Spontan anjuran PPKKI-YSHHB.

Oleh itu, orang ramai khususnya para penggiat seni khat tanah air dan luar negara adalah dialu-alukan menyertai Mahrajan ini dan pendaftaran bagi menyertai Mahrajan masih dibuka dan setiap peserta hanya dikenakan bayaran pendaftaran sebanyak BND5 bagi peserta dalam negara dan sebanyak BND20 bagi peserta luar negara.

Para peserta akan berpeluang mengikuti beberapa buah pembentangan dan bengkel kaligrafi Islam yang akan disampaikan oleh beberapa orang pakar khat antarabangsa dan tempatan antaranya Belaid Hamidi dari Maghribi, Efdaluddin Kilic, Sayed Depeler, Necati Sancaktutan masing-masing dari Republik Turkiye, Dr. Abdul Rahman bin Hamzah dari Malaysia, Didin Sirojuddin dari Republik Indonesia dan Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Muluk serta Awang Adiyushnira bin Haji Johari dari NBD.

Selain itu, peserta juga berpeluang untuk mengikuti Pertandingan Seni Khat Spontan yang dianjurkan oleh PPKKI-YSHHB yang

menawarkan hadiah yang menarik. Orang ramai khususnya para penggiat seni khat tanah air adalah dialu-alukan untuk berkunjung menyaksikan Pameran Kaligrafi di bilik Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas sepanjang Mahrajan ini berlangsung.

Pameran Kaligrafi ini akan mempamerkan hasil karya para pemenang Pertandingan Seni Khat Peringkat Serantau Asia 2024, koleksi karya kaligrafi PPKKI-YSHHB, UNISSA, KUPU SB dan juga IRCICA serta dua orang pakar kaligrafi Islam iaitu Efdaluddin Kilic dari Republik Turkiye dan Belaid Hamidi dari Maghribi juga akan mempersembahkan tatacara penulisan kaligrafi.

Pertandingan Seni Khat Peringkat Serantau Asia adalah pertandingan bertaraf antarabangsa yang sering dianjurkan oleh IRCICA, Republik Turkiye. Pada tahun ini, penganjuran pertandingan ini dilaksanakan secara bekerjasama dengan YSHHB melalui PPKKI-YSHHB dan dinamakan dengan Pertandingan Seni Khat Peringkat Serantau Asia 2024.

Pertandingan ini mengandungi empat kategori iaitu Tsuluts,

Nasakh, Diwani Jali dan Diwani. Konsep pertandingan adalah karya siap di mana peserta diberikan tempoh lebih kurang lima bulan untuk menyiapkan iaitu bermula 1 Mac 2024 sehingga 30 Ogos 2024.

Karya-karya yang telah siap perlu dihantar ke Urus Setia Pertandingan di PPKKI-YSHHB untuk dihakimkan oleh empat orang hakim terdiri daripada pakar kaligrafi Islam dari Republik Turkiye, Maghribi dan NBD, iaitu Efdaluddin Kilic Pakar Kaligrafi, Republik Turkiye; Belaid Hamidi, Pakar Kaligrafi, Maghribi; Seyyid Ahmet Depeler, Pakar Kaligrafi, Republik Turkiye dan Pegawai Pelajaran, Awang Bolhanuddin bin Haji Abdul Wahab dari NBD.

Seramai 158 peserta daripada 19 buah negara telah mendaftar untuk menyertai pertandingan ini. Namun hanya 100 orang dengan 123 penyertaan yang memenuhi syarat pertandingan diterima untuk dihakimi iaitu daripada 11 buah negara-negara Asia antaranya Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand, Jepun, Bahrain, Saudi Arabia, Syria, Pakistan dan Turkiye termasuk NBD. Seramai 12 pemenang iaitu tiga pemenang daripada setiap kategori akan menerima hadiah semasa Majlis Pelancaran Mahrajan itu nanti.

PELUANG SERTAI KEMPEN DERMA DARAH

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Oktober. – Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah. Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Kempen Derma Darah akan diadakan pada Rabu, 9 Oktober di Dewan Seri Kenangan, Daerah Tutong sempena Jerayawara Badudun Bersama Biskita anjuran Radio Televisyen Brunei bermula pukul 10.00 pagi hingga 2.00 petang, sementara itu, pada Khamis, 10 Oktober 2024 di Aras Bawah Bangunan Jabatan Bandaran, Jalan Perdana Menteri sempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Seri Begawan Kali Ke-54 Tahun bermula pukul 8.30 pagi hingga 11.00 pagi dan pada Sabtu, 12 Oktober 2024 di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran

Anak Damit, Kampung Manggis / Madang anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid bermula pukul 9.00 pagi hingga 11.00 pagi dan disambung semula pada pukul 1.00 petang hingga 3.00 petang.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Saleha untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula pukul 8.00 hingga 11.30 pagi dan pukul 1.30 hingga 4.00 petang.

Seterusnya, Tabung Darah Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait juga akan mengadakan Kempen Derma Darah pada Jumaat, 11 Oktober 2024 di Tingkat Bawah, KB Sentral Shopping Centre anjuran Jolibee Brunei bermula pukul 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan disambung semula pada pukul 2.00 petang hingga 3.00 petang. Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

TARIKH & MASA PENDAFTARAN	TEMPAT
Rabu 9 Oktober 2024 10.00 pagi hingga 2.00 petang	Dewan Seri Kenangan, Daerah Tutong Sempena Jerayawara 'Badudun Bersama Biskita' Anjuran Radio Televisyen Brunei
Khamis 10 Oktober 2024 8.30 pagi hingga 11.00 pagi	Aras Bawah Bangunan Jabatan Bandaran, Jalan Perdana Menteri Sempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Seri Begawan Kali Ke – 54 Tahun
Sabtu 12 Oktober 2024 9.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 1.00 petang hingga 3.00 petang	Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit Kg Manggis Madang Anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid

TARIKH & MASA PENDAFTARAN	TEMPAT
Jumaat, 11 Oktober 2024 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 3.00 petang	Tingkat Bawah, KB Sentral Shopping Centre Anjuran Jolibee Brunei

PROGRAM INTEGRASI KEMASYARAKATAN OYDP BANTU PROSES PEMULIHAN SEPANJANG HAYAT

Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Oktober. - Program Integrasi Kemasyarakatan Orang Yang Di bawah Pengawasan (OYDP) berbentuk Kempen Kebersihan telah diadakan pada 5 Oktober 2024 di Masjid Kampung Belais, Daerah Temburong sempena Ulang Tahun Penubuhan Biro Kawalan Narkotik (BKN) Ke-36 Tahun.

Seramai 14 OYDP, 10 residen Pusat Al-Islah dan 39 pegawai, kakitangan BKN terlibat dalam

program tersebut.

Program berkenaan turut disertai oleh ahli jemaah masjid, penduduk Kampung Belais serta Pasukan Bomba Rataie Seksyen 'A' dan 'C', Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Antara tujuan program adalah untuk mempromosikan integrasi sosial OYDP dalam komuniti, sambil menggalakkan mereka untuk mengambil tanggungjawab dalam memastikan kebersihan dan keselesaan masjid.

Selain itu, ia juga bertujuan

untuk membina rasa keinginan mereka membiasakan diri untuk pergi ke masjid, di samping membantu meningkatkan diri mereka dari segi kerohanian dalam mereka menjalani kehidupan bermasyarakat nanti.

Inisiatif ini adalah penting kerana ia tidak hanya memastikan masjid sentiasa bersih, tetapi juga memberi peluang kepada OYDP untuk menyumbang secara positif kepada masyarakat mereka.

Ini berpotensi membantu mereka dalam proses pemulihan dan integrasi semula ke dalam masyarakat.

Dalam pada masa yang sama, program tersebut juga selaras dengan tema Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram pada tahun ini iaitu 'Memperkasa Masyarakat Masa Depan Tanpa

Dadah' dengan memfokuskan kesedaran kepada semua lapisan masyarakat dalam sama-sama berganding bahu memberi sokongan kepada BKN dalam usaha membanteras dadah di negara ini.

BKN berharap melalui program ini akan dapat memberikan kesan positif dalam jangka panjang

terutama dalam usaha mengurangkan stigma negatif masyarakat terhadap bekas pengguna dadah.

Dengan adanya penerimaan yang positif dan sokongan moral daripada masyarakat ini akan lebih membantu memudahkan mereka menjalani proses pemulihan sepanjang hayat masing-masing.



ANTARA yang menyertai Kempen Kebersihan yang diadakan di Masjid Kampung Belais, Daerah Temburong sempena Ulang Tahun Penubuhan Biro Kawalan Narkotik (BKN) Ke-36 Tahun (kiri dan kanan).

Waspada dengan panggilan mencurigakan

Siaran Akhbar : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Oktober. - BIBD memberi amaran kepada orang ramai mengenai peningkatan terkini dalam penipuan panggilan telefon automatik.

Penipuan ini biasanya melibatkan panggilan suara automatik yang mendakwa bahawa nombor telefon penerima mengalami masalah dan akan ditamatkan dalam masa satu jam.

Mesej tersebut kemudian mengarahkan penerima untuk menekan '1' bagi mendapatkan

bantuan.

BIBD menggesa orang ramai agar berhati-hati apabila menerima panggilan sedemikian dan tidak melayan arahan yang diberikan oleh mesej automatik tersebut.

Langkah-langkah penting yang perlu diambil sekiranya awda menerima panggilan yang mencurigakan ialah jangan menekan sebarang nombor atau mengikuti sebarang arahan. Tamatkan panggilan dengan sesekali

mendedahkan maklumat peribadi seperti maklumat akaun bank, PIN, kata laluan, atau maklumat sensitif lain melalui telefon; dan berwaspada terhadap taktik serupa melalui mesej teks atau e-mel dan jika ragu-ragu, sentiasa sahkan sumber tersebut secara langsung.

Penipuan ini adalah trend penipuan yang mengeksplorasi teknologi untuk menyasarca mangsa tanpa disedari.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan BIBD untuk melindungi pelanggannya, BIBD komited untuk meningkatkan

kesedaran mengenai pelbagai penipuan dalam talian, seperti penipuan panggilan suara automatik, melalui pelbagai saluran untuk memastikan orang ramai sentiasa maklum tentang taktik penipuan yang terkini.

BIBD telah bekerjasama dengan Cybersecurity Brunei (CSB) dan telah menghasilkan siri kandungan pendidikan mengenai keselamatan dalam talian.

Inisiatif-inisiatif ini, yang dikongsi di media sosial, memberikan pengetahuan kepada orang ramai untuk kekal selamat dalam talian.

Kerjasama ini adalah


sebahagian daripada usaha BIBD yang lebih luas untuk menyokong agenda keselamatan siber negara dan memastikan pelanggan sentiasa maklum tentang ancaman yang terus berkembang dalam ruang siber.

BIBD tetap komited dalam misinya untuk melindungi pelanggannya dan orang ramai.

Pihak BIBD menggalakkan orang ramai untuk sentiasa berwaspada, melaporkan aktiviti mencurigakan, dan membantu menyebarkan kesedaran untuk melindungi diri mereka dan orang tersayang.

Tip

Pendidikan



Jangan panik! 5 tip belajar 'last minute'

- **Memperbanyak latihan.** Buat latihan daripada soalan-soalan *past year*, soalan topikal dan soalan latihan yang pernah diberikan oleh cikgu awda. Semakin menghampiri hari peperiksaan, pelajar digalakkan untuk membuat latihan daripada membaca *last minute*.
- **Jauhkan diri dari dunia internet.** Laman media sosial dan televisyen adalah musuh utama yang ingin fokus belajar. Jadi jauhkan diri dari dunia tersebut buat sementara waktu. Jika ingin menggunakan internet, pastikan diri pelajar adalah disiplin untuk mematuhi peraturan diri yang awda tetapkan.
- **Baca menggunakan flashcard.** Pelajar boleh menggunakan *flashcard* dengan menulis nota ringkas bagi topik yang dipelajari. Teknik ini sangat membantu untuk menghafal dan boleh dibawa ke mana-mana.
- **Fokus kepada subjek yang lemah.** Belajar di saat minit-minit terakhir, pelajar tidak mempunyai waktu untuk mengulang kaji semua topik atau catatan yang diberikan. Oleh itu, sebagai ganti pelajar perlu mengulang pelajaran yang lemah.
- **Istirahat yang disertai doa.** Doa dapat menguatkan keyakinan atas kemampuan kita untuk menjawab soalan-soalan peperiksaan dan juga jangan lupa meminta doa dari orang tua. Sementara itu, pelajar perlu mementingkan kesihatan mereka agar mereka dapat menjawab soalan peperiksaan dengan mudah dan tenang.

Nota : Belajar last minute adalah sesuatu perkara yang tidak boleh diamalkan. Pelajar hendaklah membuat persediaan lebih awal agar mendapat keputusan yang cemerlang. Work smarter, not harder.

MUKA 6

PELITA BRUNEI, Rabu 7 Oktober, 1964

PERADUAN TRENGKAS DAN MENAIP ANJORAN PERSATUAN TRENGKAS MELAYU BRUNEI

BANDAR BRUNEI.—Persatuan Trengkas Melayu Brunei akan mengadakan Peraduan Trengkas/Seni Gregg dan Menaip terbuka kapada ahli2 persatuan itu serta juga penuntut/penulis trengkas, lelaki dan perempuan.

Guru2 Trengkas dari Trengkas Melayu Institute Singapura tidaklah boleh mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.

Peraduan Trengkas (Kepantas) ada-lah terbahagi kapada tiga peringkat ia-itu.

1. Permulaan 60 p.s.m. mengandungi dua renchana, kertas 'A' dan 'B' yang di-bachakan dalam tempoh empat (4) minit pada tiap2 renchana. Peserta dikehendaki menchatet ke-dua2 renchana itu, dan di-kehendaki menterjemahkan ke-dua2 renchana itu. Peringkat ini terbuka kapada penuntut/penulis peringkat Permulaan/Menengah/Tertinggi. Bayaran memasuki peraduan \$1.50.

2. Menengah 80 p.s.m. mengandungi dua renchana, kertas 'A' dan 'B' yang di-bachakan dalam tempoh lima (5) minit pada tiap2 renchana. Peserta boleh menchatet ke-dua2 renchana tetapi hanya di-kehendaki memilih salah satu daripada renchana2 itu untuk terjemahan. Peringkat ini hanya terbuka untuk penuntut/penulis peringkat Permulaan sahaja. Bayaran memasuki peraduan \$1.00;

3. Tertinggi 110 p.s.m. mengandungi dua renchana, kertas 'A' dan 'B' yang di-bachakan dalam tempoh empat (4) minit pada tiap2 renchana. Peserta dikehendaki menchatet ke-dua2 renchana itu, dan di-kehendaki menterjemahkan ke-dua2 renchana itu. Peringkat ini terbuka kapada penuntut/penulis peringkat Permulaan/Menengah/Tertinggi. Bayaran memasuki peraduan \$1.50.

Peraduan Seni Gregg :

1. Seni Gregg ia-lah 'tulisan rengkas' yang sedia di-tulis dengan 'trengkas.' Chontoh yang di-sediakan untuk peraduan ini akan di-bahagi kapada peserta dan peserta ada-lah di-kehendaki menyalin (menulis) semula dengan trengkas pada kertas yang lain dengan mengikut saperti chontoh yang di-sediakan. Peraduan ini terbuka kapada penuntut/penulis trengkas semua peringkat dan orang ramai yang ingin menyertai-nya. Bayaran memasuki peraduan ia-lah \$1.00 bagi tiap2 peringkat.

Peraduan Menaip :

Peraduan Menaip ada-lah terbahagi dua peringkat ia-itu peringkat Permulaan dan Menengah. Peraduan ini ada-lah terbuka kapada penuntut/penulis trengkas semua peringkat dan orang ramai yang ingin menyertai-nya. Bayaran memasuki peraduan ia-lah \$1.00 bagi tiap2 peringkat.

Dua hadiah rebutan selama tiga tahun sedia untuk di-menangi oleh peserta2 yang berjaya. Hadiah2 itu ia-lah untuk Peraduan Seni Gregg dan Peraduan Trengkas (Kepantas) Peringkat Tertinggi 110 p.s.m. dan beberapa hadiah berupa piala untuk di-ambil terus oleh peserta.

Permohonan2 ada-lah di-mulakan dari sekarang dan akan di-tutup pada 10 Oktober, 1964. Permohonan2 yang lewat di-terima daripada tarikh tersebut tidak di-layani.

Borang2 permohonan mendaftar bolch di-dapat daripada Ibrahim Ghani, Setia Usaha Peraduan, d/a Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Brunei.

PERADUAN BACHAAN AL-KORAN DAERAH TUTONG

BAHAGIAN PEREMPUAN DEWASA :

Johan : Rubiah bte Hj. Jawi, dari Layong.

Naib Johan : Mordhiah bte Hj. Yassin, dari Kuala Tutong.

Ketiga: Ayahani bte Suhaili, dari Tutong (A).



Gambar ini di-ambil di-Pusat Penchubaaan Tanam2an Kilanas dalam bulan September yang lalu sa-lepas enam orang petani2 dalam gambar ini yang telah tamat menghadiri Kursus Pertanian selama dua bulan menerima Sijil2, Sijil2 itu telah di-sampaikan kepada mereka oleh Yang Berhormat Awang Arshad bin Marsal.

Pasar Gembira Di-Kuala Belait Berjaya

KUALA BELAIT.—Satu majlis menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 dalam berbagai2 peraduan yang telah dilangsungkan di-Kuala Belait sebagai menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah di-adakan di-pentas Aneka Warna Pasar Gembira, Kuala Belait pada malam 28 September.

Hadiah2 itu telah di-sampaikan oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, Yang Mulia Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamad Salleh; Awang E.P. Espejo dan oleh isteri Yang Mulia Orang Kaya Indera Negara Awang Jaraie.

Pada malam tersebut beribu2 orang dari berbagai2 bangsa telah mengunjungi ka-Pasar Gembira itu untuk menyaksikan berbagai2 achara yang telah di-adakan.

Di-antara achara2 itu ia-lah persembahan Aneka Warna oleh Kumpulan Seni Budaya Kelab Belia Seria; Permainan2 kereta lansang, kereta api, kapal terbang, sampan, kuda kayu, pertunjukan ayer memanchut dan lain2-nya.

Peraduan Bachaan Al-Koran Di-Kuala Belait

KUALA BELAIT.—Ramai khari2 dan khariah2 telah mengambil bahagian dalam Peraduan Bachaan Al-Koran Daerah Belait yang telah dilangsungkan di-Masjid Muhammad Jemalul Alam, Kuala Belait baru2 ini sebagai menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Keputusan peraduan tersebut ada-lah seperti berikut :

BAHAGIAN LELAKI DEWASA : 1. Awang Morni bin Ghafar, 2. Awang Ali bin Sani, 3. Awang Morni bin Sanai.

BAHAGIAN PEREMPUAN DEWASA : 1. Dayang Taibah binti Kudi, 2. Dayang Halimah binti Abang Dol, 3. Dayang Aishah binti Mudim Haji Adanan.

BAHAGIAN KANAK2 LELAKI : 1. Awang Saifun bin Awang Besar, 2. Awang Haji Zaini bin Imam Awang Tamin, 3. Awang Othman bin Imam Awang Tamin.

BAHAGIAN KANAK2 PEREMPUAN : 1. Dayang Samisah binti Abang Abu Hanifah, 2. Dayang Salbiah binti Mudim Haji Adanan, 3. Dayang Rosnah binti Awang Hamid.

FORUM FOKUS KEMBANG MAJUKAN EKONOMI PKS

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Oktober. - Chinese Chamber of Commerce (CCC) Bandar Seri Begawan (BSB) akan menganjurkan Forum Awam Perniagaan yang pertama pada 28 Oktober ini dengan tajuk 'Succeeding in a Small Economy' di J Hotel, Kampung Kiulap.

Perkara tersebut telah diumumkan oleh Presiden CCC BSB, Lim Han Chiong semasa sesi Sidang Media yang diadakan di Pejabat CCC, di ibu negara, pagi tadi.

Beliau dengan sukacitanya telah mengumumkan para pendukung dan penaja yang akan bekerjasama dengan mereka untuk memastikan kejayaan forum itu nanti.

Menurutnya, forum perniagaan

tersebut direka untuk menangani cabaran dan peluang unik yang dihadapi oleh PKS dalam ekonomi kecil ini.

"Tiga bidang yang akan kami fokuskan adalah bagaimana kita boleh mencari peluang melalui kerjasama, teknologi digital dan perdagangan antarabangsa.

"Forum ini akan menampilkan ucaptama daripada Pengerusi Asia Inc Forum, Dato Timothy Ong, yang juga akan menjadi tetamu kehormat nanti, selain akan berkongsi kebijaksanaannya tentang bagaimana perniagaan boleh berkembang dalam ekonomi kecil dengan memberikan contoh kejayaan dari negara kecil lain serta bidang praktikal yang boleh difokuskan oleh PKS," jelasnya.

Forum juga akan menampilkan

Enterprise Fellow from Enterprise Singapore, Ted Tan, yang akan berkongsi bagaimana kerajaan Singapura membantu persatuan mereka untuk berkembang dalam pengembangan luar negara sambil mengukuhkan usaha operasi tempatan mereka.

Katanya, dua sesi perbincangan akan diadakan pada forum itu nanti yang mana para panel terdiri daripada individu-individu yang berpengaruh dalam bidang perniagaan.

Apa yang diharap daripada forum itu nanti adalah sebuah pertukaran fikiran dan menarik mengenai peluang masa depan antara 100 pemilik perniagaan dan eksekutif yang terdiri daripada Ahli CCC; Ahli Pelbagai Persatuan Perdagangan; Eksekutif Korporat; dan Pembuat Dasar.

Forum perniagaan berkenaan



SUASANA Sidang Media yang diadakan di Pejabat Chinese Chamber of Commerce.

dibuka untuk pendaftaran di laman sesawang www.curiousmind.biz/ccc-registration.

Maklumat lanjut tentang forum juga boleh didapat di www.curiousmind.biz/ccc.

2 pelajar sertai SAP di UIAM



DUA pelajar dari Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berlepas untuk menyertai Study Abroad Programme (SAP) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BERAKAS, Isnin, 7 Oktober. - Dua pelajar dari Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) baru-baru ini berlepas untuk menyertai Study Abroad Programme (SAP) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Kedua-duanya merupakan pelajar Tahun 3 dari Program Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan Islam iaitu Dayang Nurul Asyiqin binti Haji Abdul Rahman dan Dayang Hanisah Hannah binti Mohammad Sufri

yang akan mengikuti program pengajian tersebut selama dua semester.

Turut hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belyar ialah Dekan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Profesor Madya Dr. Anis Thoha; Timbalan Dekan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Mohammed Sahrin bin Haji Masri; dan Penyelaras At-Tamayuz Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Dr. Suleiman Mohammed Hussein Boayo.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun **PenggunaBijak**



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Ayam Tua Masak Suman Kampung Sumbiling Baru

BAHAN-BAHANNYA :

1 ekor ayam tua
5 hingga 10 keping asam kulit
Garam
Seruk perasa
Buluh nipis muda untuk menyuman (memasak)

BAHAN YANG DITUMBUK :

5cm kunyit hidup
3cm halia
3 batang serai
5 biji lada padi
5 ulas bawang merah
5 ulas bawang putih

CARA-CARA MEMBUAT :

Ayam yang sudah dipotong,

digaul dengan bahan-bahan yang sudah ditumbuk, masukkan garam dan seruk perasa. Perapkan selama 15 minit. Selepas itu masukkan ke dalam buluh dan tutup permukaan buluh menggunakan daun pisang, seterusnya dibakar dengan kayu api selama dua jam.

WARGA CHINA, PAKISTAN MAUT DALAM SERANGAN DI KARACHI



ISLAMABAD, 7 Okt. - Dua warga China maut, seorang lagi cedera, manakala beberapa warga Pakistan turut terkorban dalam serangan yang berlaku di bandar pelabuhan selatan Pakistan, Karachi pada malam Ahad, lapor Xinhua.

Kedutaan China di Pakistan dalam satu kenyataan mengesahkan bahawa serangan berlaku kira-kira 11:00 malam waktu tempatan Ahad (1800 GMT) apabila satu konvoi Syarikat Tenaga Elektrik Pelabuhan Qasim diserang berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Jinnah di Karachi.

"Kedutaan dan Konsulat China di Pakistan mengcam sekeras-kerasnya tindakan ini,

mengucapkan takziah kepada mangsa dari kedua-dua negara dan merakamkan simpati kepada mereka yang cedera serta keluarga mereka," menurut kenyataan itu.

China kini bekerjasama dengan pihak berkuasa Pakistan untuk menangani kesan insiden terbabit.

Kebakaran besar susulan letupan dahsyat pada malam Ahad turut mengakibatkan beberapa kenderaan terbakar berhampiran lapangan terbang di Karachi, menurut pihak polis.

Kedutaan China juga menekankan perlunya langkah praktikal dan berkesan diambil oleh pihak berkuasa Pakistan demi memastikan keselamatan rakyat,

institusi dan projek China di negara itu.

"Kedutaan dan konsulat China di Pakistan mengingatkan warga dan syarikat China di Pakistan untuk berwaspada, memberi perhatian penuh terhadap situasi keselamatan tempatan, memperkuuh langkah keselamatan, dan berusaha sebaik mungkin untuk mengambil langkah berjaga-jaga," menurut kenyataan itu.

Kumpulan pemisah, Tentera Pembebasan Balochistan (BLA) mendakwa bertanggungjawab atas serangan itu melalui satu kenyataan di platform media sosial, manakala pihak berkuasa Pakistan belum mengesahkannya. - ©BERNAMA

Taufan Milton dijangka landa Florida

MOSCOW, 7 Okt. - Ribut tropika Milton kini berubah menjadi taufan dan dilaporkan menuju ke Florida, Amerika Syarikat, menurut laporan Sputnik yang memetik Pusat Taufan Kebangsaan (NHC) AS.

Pejabat Gabenor Florida, Ron DeSantis, sehari sebelum itu mengumumkan keadaan darurat di 35 daerah susulan ancaman taufan Milton yang semakin menghampiri.

Menurut pakar meteorologi, Taufan Milton kini membawa angin kencang dengan kelajuan

maksimum sekitar 130 kilometer sejam dan bergerak ke arah timur dengan kelajuan kira-kira sembilan kilometer sejam.

Presiden AS, Joe Biden diberi taklimat mengenai situasi ini dan menggesa penduduk Florida untuk mematuhi arahan pihak berkuasa tempatan.

Dalam perkembangan berkaitan Taufan Helene, beliau turut mengumumkan penghantaran tambahan 500 anggota tentera ke Carolina Utara untuk membantu usaha pemulihan dan tindak balas bencana.

Sebelum ini, CNN melaporkan bahawa jumlah kematian akibat Taufan Helene yang melanda tenggara AS pada September lalu, meningkat kepada sekurang-kurangnya 227 orang.

Sidatusaha Keselamatan Dalam Negeri AS, Alejandro Mayorkas, juga menyatakan bahawa Agensi Pengurusan Kecemasan Persekutuan (FEMA) kini menghadapi kekurangan sumber bagi menangani kesan ribut itu sepanjang baki musim taufan ini. - ©BERNAMA

Pemimpin ASEAN rapatkan hubungan di langit menuju Laos

KUALA LUMPUR, 7 Okt. - Jarang sekali kita melihat menteri kewangan dan menteri hal ehwal luar dari pelbagai negara berkongsi penerbangan yang sama, namun Sidang Kemuncak ASEAN di Laos minggu ini membawa keunikannya tersendiri dalam diplomasi serantau.

Kekurangan penerbangan terus dari kebanyakan ibu negara ASEAN ke negara itu menyebabkan pertemuan tidak disangka antara pegawai-pegawai tinggi serantau dalam satu penerbangan yang sama menuju ke Vientiane.

Dalam satu hantaran Instagram yang bersahaja pada malam Ahad, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz menyoroti semangat muhibah dalam kalangan pemimpin serantau dengan gurauan dalam bahasa Melayu: "Semua dah ada dalam kapal terbang, kita mesyuarat sini je lah! Tak payah nak pergi Laos."

Foto yang mengiringi hantaran itu memaparkan Menteri Perdagangan dan Perusahaan Singapura, Gan Kim Yong, Menteri Luar Indonesia, Retno Marsudi, dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, yang bersama-sama merakamkan detik penuh muhibah dalam suasana tidak dijangka.

Walaupun foto menteri-menteri yang tertawa dan berbual mesra di udara memperlihatkan semangat perpaduan ASEAN, ia juga secara halus menekankan isu yang lebih serius - kekurangan hubungan antara negara di rantau ini.

Hakikat bahawa ramai pegawai tinggi dan juga wakil media

terpaksa berkongsi penerbangan yang sama ke Laos menekankan keperluan untuk memperkuuh rangkaian pengangkutan dan infrastruktur serantau.

Komen bersahaja Tengku Zafrul menggariskan realiti yang perlu diatisi oleh ASEAN, iaitu kekurangan laluan penerbangan terus ke beberapa negara anggotanya.

Ketika rantau ini berusaha ke arah perpaduan dan integrasi yang lebih erat, jaringan rangkaian fizikal tetap menjadi aspek kritisikal yang perlu dibangunkan.

Perjalanan ini juga menjadi metafora kepada misi ASEAN yang lebih luas: walaupun terdapat jurang tertentu, negara-negara angota menuju ke arah matlamat yang sama, berusaha mengatasi cabaran bersama demi mencapai destinasi mereka.

Jaringan rangkaian yang lebih baik, terutamanya ke negara seperti Laos bukan sahaja akan memudahkan pertukaran diplomatik tetapi juga merangsang sektor pelancongan, perdagangan, dan pertumbuhan ekonomi.

Peningkatan jaringan ini akan menjadikan negara seperti Laos lebih mudah diakses dan menarik kepada rakyat ASEAN serta komuniti global, sekali gus membuka potensinya sebagai destinasi pelancongan dan perniagaan.

Dengan keindahan semula jadi yang menakjubkan dan warisan budaya yang kaya, Laos mempunyai banyak tarikan, namun bagi memanfaatkan sepenuhnya potensi ini, jaringan udara yang lebih baik adalah penting.

Tengku Zafrul dan Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Mohamad Hasan kini tiba di Vientiane bagi menghadiri Sidang Kemuncak

ASEAN ke-44 dan ke-45 serta Sidang-Sidang Kemuncak Berkaitan.

Mereka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Wattay pada 7:45 malam waktu tempatan (8:45 malam waktu Malaysia), menyertai kira-kira 2,000 delegasi lain untuk menghadiri siri mesyuarat peringkat tinggi di Pusat Konvensyen Kebangsaan (NCC) di ibu negara Laos dari 8 hingga 11 Okt.

Mesyuarat Menteri Luar ASEAN (AMM) akan memulakan sidang kemuncak pada Selasa (8 Okt), diikuti majlis pembukaan bagi Sidang Kemuncak ASEAN ke-44 dan ke-45 pada 9 Okt.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka menyampaikan kenyataan Malaysia semasa sidang kemuncak berkenaan.

Apabila sidang kemuncak melabuhkan tirainya pada 11 Okt, Laos akan menyerahkan jawatan pengurus ASEAN kepada Malaysia.

Dalam persediaan Malaysia untuk memimpin ASEAN ke fasa seterusnya, terdapat harapan agar Kuala Lumpur memberi keutamaan kepada usaha menangani cabaran keterhubungan dan membuka peluang baharu untuk integrasi dan kerjasama serantau yang lebih baik.

Menerusi laluan penerbangan baharu, peningkatan infrastruktur, atau kerjasama yang lebih mendalam, Malaysia selaku pengurus berpotensi membuka jalan untuk ASEAN yang lebih terhubung dan padu, yang bukan sahaja berkongsi langit yang sama tetapi juga merangka laluan bersama ke arah pertumbuhan mampan dan perpaduan serantau.

- ©BERNAMA

Satu pertiga pekerja Jerman pertimbang tangguh persaraan - Kajian

BERLIN, 7 Okt. - Kira-kira satu pertiga pekerja Jerman sedang mempertimbangkan untuk terus bekerja selepas mencapai usia persaraan mandatori, menurut satu kajian baharu yang didedahkan pada Ahad, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Laporan oleh Institut Ekonomi Jerman (IW), yang diperoleh oleh edisi Ahad akhbar Die Welt, menunjukkan pekerja berusia lebih 55 tahun lebih cenderung untuk kekal bekerja melebihi usia persaraan berbanding mereka yang berusia bawah 30 tahun.

Begitu juga, golongan profesional dalam jawatan pengurusan atau dengan tahap pendidikan yang lebih tinggi lebih terbuka untuk melanjutkan kehidupan bekerja berbanding pekerja dengan tahap pendidikan rendah tanpa tugas pengurusan.

Tinjauan IW mencadangkan bahawa pekerja yang berpuas hati dan sangat terlibat dengan kerja mereka lebih berkemungkinan mempertimbangkan untuk menangguhkan persaraan. Bagaimanapun, pertimbangan kewangan tidak memainkan peranan penting dalam penemuan kajian itu.

Ekonomi Jerman yang sedang bergelut dengan risiko kehilangan pekerja mahir yang bersara, tanpa tenaga kerja mencukupi untuk menggantikannya.

Kerajaan campuran Canselor Olaf Scholz telah mencadangkan pemberian bonus kepada pekerja yang menangguhkan persaraan mereka, sebagai sebahagian daripada pakej rangsangan yang masih memerlukan kelulusan daripada Parlimen Jerman. - ©BERNAMA

Banjir di timur Bangladesh akibatkan kerugian US\$1.19 bilion pada Ogos

DHAKA, 7 Okt. - Banjir yang melanda wilayah timur Bangladesh pada Ogos lalu menyebabkan kerugian sebanyak 144.21 bilion taka (kira-kira US\$1.19 bilion) menjelaskan sektor pertanian, infrastruktur lain-lain, lapor Xinhua.

Centre for Policy Dialogue, sebuah badan pemikir terkemuka di Bangladesh mendedahkan angka itu pada Ahad, menyatakan lebih 35 peratus kerosakan berlaku membabitkan sektor pertanian dan perhutanan.

Sekurang-kurangnya 5.6 juta orang terjejas akibat banjir di tenggara Bangladesh, termasuk lebih 2 juta kanak-kanak.

Lebih 52 kematian dilaporkan setakat ini. - ©BERNAMA

Sasar Sarawak Delta Geopark dapat pengiktirafan UNESCO menjelang 2026 - Abang Johari

KUCHING, 7 Okt. - Premier Sarawak Tan Sri Abang Johari Tun Openg menyasarkan Sarawak Delta Geopark diangkat sebagai UNESCO Global Geopark (UGGP) menjelang 2026.

Beliau berkata buat masa ini pihaknya sedang berusaha memenuhi kriteria ditetapkan untuk mendapat kelulusan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

"Ada beberapa kriteria (untuk dipenuhi) dan kita mahukan pakar daripada UNESCO untuk menilai khazanah geopark kita ... kalau kita dapat menepati semua itu maka kemungkinandibawa ke lembaga UNESCO untuk membolehkan sama ada geopark kita diiktiraf sebagai tapak UNESCO."

"Kalau diluluskan keseluruhannya kita ada tiga kerana Malaysia sudah ada dua iaitu Langkawi UNESCO Global Geopark, Kedah dan Kinabalu UNESCO Global Geopark, Sabah jadi kalau Sarawak dapat pengiktirafan itu maka ia akan jadi geopark yang unik di Malaysia," katanya kepada pemberita selepas menghadiri program 'International Seminar On Aspiring Sarawak Delta UNESCO Global Geopark' di sinihari ini.

Pada Julai lepas, Kompleks Gua Taman Negara Niah di Sarawak diiktiraf sebagai Tapak Warisan Arkeologi Dunia UNESCO.

Dalam pada itu, Abang Johari berkata pengiktirafan Sarawak Delta Geopark kelak akan memberikan kesan positif kepada kualiti industri pelancongan Sarawak selain memupuk nilai cintakan alam sekitar kepada rakyat dan pelancong.

Terdahulu, dalam ucapannya beliau berkata usaha untuk mengangkat Sarawak Delta Geopark sebagai UGGP selari dengan matlamat Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 2030 (PCDS) oleh kerajaan Sarawak yang turut menekankan sudut kemampuan alam sekitar.

"Aspek lain berdasarkan PCDS 2030 iaitu apabila kami merancang pembangunan kami ingin memastikan sektor pelancongan menitikberatkan kualiti. Di Sarawak kami lebih suka pelancongan yang berkualiti," katanya. - ©BERNAMA



VIET NAM SAMBUNG PERKHIDMATAN KAPAL SELAM LUTSINAR HINGGA 2025

PHNOM PENH, 8 Okt. - Bayangan diri anda menyelam ke dalam lautan yang menakjubkan, meneroka keindahan dasar laut dengan kapal selam lutsinar yang pertama di dunia.

Viet Nam kini memberi nafas baharu kepada industri pelancongannya dengan mempromosikan tawaran pelancongan kapal selam, memberi peluang unik kepada pelancong untuk menerokai

keindahan laut dan kepelbagaiannya biodiversiti negara itu.

Kerajaan Viet Nam melanjutkan projek perintis perkhidmatan kapal selam di Teluk Nha Trang sehingga Mac tahun depan, susulan kejayaannya sebelumnya ini, lapor Viet Nam News.

Kapal selam lutsinar ini kali pertama diperkenalkan pada 2022, dengan tujuan mempromosikan pelancongan dasar laut di Nha Trang yang terkenal dengan air jernih dan destinasi menyelam popular di selatan Viet Nam.

"Lanjutan ini bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan perniagaan dan memperkuatkan sektor pelancongan di rantau ini."

"Keputusan ini juga memberi masa tambahan untuk memuktamadkan peraturan undang-undang mengenai operasi kapal selam, dengan fasa percubaan dilanjutkan sehingga 30 Mac 2025," menurut laporan itu.

Kapal selam DeepView seberat 55 tan, dibina oleh Triton Submarines yang berpangkalan di Florida.

ia diperbuat daripada akrilik lutsinar serta dikuasakan oleh tenaga elektrik, menurut laman sesawang Vinpearl, syarikat yang mengendalikan pelancongan dasar laut itu.

Vinpearl merupakan antara jenama hospitaliti terkemuka di Viet Nam yang menguruskan hotel dan resort mewah.

Kapal selam itu mampu memuatkan 24 penumpang dan boleh menyelam sehingga 100 meter di bawah permukaan laut.

"Sepanjang perkhidmatan ini, syarikat telah melengkapkan 713 perjalanan kapal selam termasuk

selaman percubaan, sesi latihan dan kunjungan pelancong, melibatkan 2,708 penumpang di Teluk Nha Trang," lapor Vietnam News.

Menurut Pejabat Statistik Am Viet Nam, ketibaan pelancong antarabangsa dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini mencapai 12.7 juta, menyaksikan peningkatan sebanyak 43 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Malaysia turut berada dalam kalangan 10 negara teratas yang menyumbang kepada jumlah pelancong antarabangsa ke Viet Nam tahun ini. - ©BERNAMA

Grand Duke Luxembourg Henri lantik anak lelaki sebagai timbalan

LUXEMBOURG, 8 Okt. - Grand Duke Henri dari Luxembourg secara rasmi melantik anaknya Guillaume sebagai timbalannya pada Selasa, membuka jalan kepada pertukaran jawatan ketua negara, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Sebagai 'lieutenant-representant', Hereditary Grand Duke Guillaume, 42, akan memikul tanggungjawab tertentu manakala Grand Duke Henri, 69, akan kekal sebagai ketua negara, menurut kementerian negeri dan Istana Grand Ducal. Bila Henri akan turun takhta masih belum

diputuskan.

Selepas menandatangi dekri pelantikan di istana, Guillaume akan mengangkat sumpah di hadapan Dewan Perwakilan. Selepas upacara itu, Grand Duke dan anaknya boleh disambut oleh rakyat di dataran di hadapan Parlimen dan istana.

Grand Duke Henri menjadi ketua negara bagi negara kedua terkecil di Kesatuan Eropah sejak 7 Oktober 2000. Baginda mengumumkan pada Jun bahawa baginda akan melantik anaknya sebagai wakil. Henri sendiri pernah menjadi

'lieutenant-representant' selama dua setengah tahun sebelum pengunduran bapanya, Jean.

Guillaume telah berkahwin dengan Puteri Stephanie, seorang countess Belgium, sejak Oktober 2012. Pasangan itu mempunyai dua anak lelaki.

Luxembourg adalah satu-satunya Grand Duchy yang tinggal di dunia hari ini dan mempunyai kira-kira 670,000 penduduk. Grand Duke ialah gelaran untuk raja yang disenaraikan antara raja dan Duke. - ©BERNAMA

Ethiopia lantik menteri luar sebagai presiden baru

ADDIS ABABA, 8 Okt. - Menteri Luar Ethiopia, Taye Atske Selassie dilantik sebagai Presiden baharu negara itu pada Isnin, menggantikan Sahle-Work Zewde yang telah berkhidmat selama enam tahun.

Pelantikan ini berlaku selepas tempoh perkhidmatan Sahle-Work tamat.

Taye Atske Selassie, sebelum ini pernah berkhidmat sebagai wakil tetap Ethiopia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengangkat sumpah di hadapan Dewan Perwakilan Rakyat dan Dewan

Persekutuan Ethiopia.

Dalam ucapan pertamanya sebagai presiden, Taye menekankan kepentingan perpaduan negara dan menyeroni rakyat Ethiopia untuk bersatu dalam usaha membangunkan negara.

Beliau turut menegaskan perlunya menghindari sebarang ideologi yang boleh memecah belah rakyat dan menyatakan komitmennya untuk menghadapi cabaran sosioekonomi dan tadbir urus yang dihadapi negara itu.

Presiden baharu itu berkongsi matlamat kerajaan untuk

mencapai pertumbuhan ekonomi sebanyak 8.4 peratus tahun ini.

Usaha sedang dijalankan untuk menangani masalah inflasi, kekurangan mata wang asing, serta membangunkan sektor pertanian yang lebih berdaya tahan terhadap perubahan iklim.

Atske Selassie turut menekankan hubungan rapat Ethiopia dengan China, yang kini dipertingkatkan menjadi perkongsian strategik, dan menyatakan penglibatan Ethiopia yang semakin kuat dalam platform antarabangsa seperti BRICS. - ©BERNAMA

Pemulihan perkhidmatan kereta api di Utara Sinai selepas 50 tahun

UTARA SINAI (Mesir), 8 Okt. - Landasan kereta api sepanjang 100 kilometer di Utara Sinai, Mesir memulakan operasi percubaan pada Isnin, sekali gus menandakan pemulihan perkhidmatan kereta api di rantau ini buat kali pertama selepas lebih setengah abad, lapor Xinhua.

Landasan Al-Fardan-Bir al-Abd yang kini dilengkapi stesen yang dinaik taraf, merupakan fasa pertama dalam projek yang lebih besar untuk memodenkan dan mengembangkan rangkaian kereta api di Semenanjung Sinai.

Kementerian Pengangkutan dan Industri Mesir turut merancang untuk memperluaskan laluan ini

sejauh 500 kilometer, menghubungkan Al-Fardan ke Taba.

"Pengoperasian laluan ini akan memudahkan pergerakan orang dan barangan dari Sinai ke wilayah lain, merangsang pembangunan komuniti bandar baharu dan zon industri, serta menyokong projek ekonomi di utara Sinai," kata Menteri Pengangkutan dan Industri Mesir, Kamel al-Wazir, semasa upacara perasmian.

Pemulihan perkhidmatan kereta api ini dilihat sebagai langkah penting dalam strategi kerajaan untuk merangsang pembangunan di Sinai, wilayah yang sekian lama menghadapi isu-isu keselamatan

dan pengasingan.

"Kereta api ini akan menghubungkan bandar, pekan, dan kampung di seluruh utara Sinai, memberikan dorongan kepada usaha pembangunan di rantau ini," kata Abdel-Hamid al-Akhry, seorang pemimpin suku kaum di utara Sinai.

Perkhidmatan kereta api di Sinai sebahagian besarnya terhenti selepas Perang Arab-Israel 1973 akibat konflik dan operasi ketenteraan di kawasan terbabit.

Mesir sedang giat meningkatkan infrastruktur pengangkutannya sebagai sebahagian daripada program reformasi ekonomi yang lebih luas. - ©BERNAMA

ADB lulus geran US\$15 juta untuk Tajikistan

MANILA, 8 Okt. - Bank Pembangunan Asia (ADB) pada Selasa berkata ia telah meluluskan pembiayaan geran tambahan sebanyak AS\$15 juta untuk meningkatkan projek Tajikistan yang sedang berjalan untuk menyambung semula sistem tenaganya kepada Sistem Tenaga Asia Tengah (CAPS) melalui sambungan dengan negara jiran Uzbekistan, lapor Xinhua.

ADB menyatakan bahawa pembiayaan tambahan ini akan digunakan untuk membina talian penghantaran baharu sepanjang 22 kilometer, 500 kilovolt di utara Tajikistan, antara pencawang Sughd di negara itu dan pencawang baharu Syrdarya di Uzbekistan.

Ia bertujuan meningkatkan kapasiti penghantaran untuk eksport dan import tenaga dalam kalangan negara CAPS serta mengukuhkan infrastruktur bagi mencegah kegagalan grid yang menyebabkan gangguan bekalan elektrik.

Selain itu, projek ini akan memastikan sistem tenaga Tajikistan dilengkapi dengan kapasiti kawal selia bagi penyeludupan tenaga boleh diperbaharui yang lancar di rantau ini. Dalam jangka panjang, ia akan menjadi komponen penting dalam skim pemindahan tenaga untuk loji tenaga hidro Rogun di Tajikistan. - ©BERNAMA

200 dikhuatiri tertimbus dalam kejadian tanah runtuh di Brazil

RIO DE JANEIRO, 8 Okt. - Kira-kira 200 orang disyaki tertimbus selepas tanah runtuh melanda kawasan pelabuhan Manacapuru, negeri Amazonas, Brazil pada Isnin, lapor Xinhua.

Menurut Kor Bomber Tentera Rio de Janeiro, tanah yang menyokong sebahagian Pelabuhan Terra Preta yang terletak di tebing Sungai Amazon, runtuh secara tiba-tiba dan punca kejadian masih belum diketahui.

Walaupun kawasan itu sedang dalam pembinaan, pelabuhan terbabit terus beroperasi sebagai pusat pengangkutan utama. Dilaporkan lebih 200 orang sedang menjalankan aktiviti memuat dan memungah barang ketika kejadian berlaku.

Insiden tragis ini mungkin berpunca daripada hakisan tebing sungai yang semakin memburuk akibat kemarau yang melanda wilayah itu.

Majlis bandaraya Manacapuru memaklumkan bahawa pasukan Pertahanan Awam, Kor Bomber Tentera dan agensi berkaitan sedang bertungkus-lumus menyelamatkan mangsa yang terperangkap. - ©BERNAMA

Xinjiang destinasi popular bagi pengembara asing

BEIJING, 8 Okt. - Wilayah Xinjiang, China semakin menarik perhatian pengembara asing, dengan seramai 48,000 pelancong melawat ke wilayah itu semasa cuti Hari Kebangsaan China dari 1 hingga 7 Oktober, mencatat peningkatan 76.95 peratus berbanding tempoh sama tahun lepas, menurut Stesen Pemeriksaan Pintu Keluar Masuk Xinjiang pada Isnin.

Antaranya, jumlah pelancong yang keluar masuk melalui pintu masuk Urumqi dan Horgos mencatatkan peningkatan besar.

Di samping itu, sebanyak 17,400 kenderaan melintasi sempadan Xinjiang, mewakili peningkatan 62 peratus dari tahun ke tahun, menunjukkan semakin ramainya pelancong dan kenderaan yang keluar masuk ke wilayah itu.

Xinjiang kini menjadi destinasi pilihan bagi pelancong asing, berikut pelaksanaan dasar pengecualian visa oleh kerajaan China dan prosedur kelulusan yang mudah di pintu masuk. - ©BERNAMA

23 PASUKAN BURU KEJUARAAN KEJOHANAN FUTSAL HPA KE-31



MESYUARAT Pengurus-pengurus Pasukan bagi Kejohanan Futsal Antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-31, Tahun 2024 (atas dan kanan).

Siaran Akbar dan Foto : Jawatankuasa Kejohanan Futsal Antara Kementerian-kementerian

BERAKAS, Isnin, 7 Oktober. - Kejohanan Futsal Antara Kementerian - kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-31 akan menyaksikan persaingan 11 buah pasukan menyertai Kategori Veteran dan 12 buah pasukan bersaing di Kategori Terbuka.

Pengarah Pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Haji Amir Azman bin POKPS DP Haji Abdul Rahman, selaku Pengerus Kejohanan Futsal Antara Kementerian - kementerian sempena HPA Ke-31, Tahun 2024 berkata, kejohanan berkenaan akan menjadi landasan terbaik untuk meningkatkan potensi

pemain dan mencungkil bakat pemain dalam kalangan warga Perkhidmatan Awam.

"Di samping untuk memeriahkan lagi Sambutan HPA, kejohanan ini akan menampilkan persaingan menarik dari semua pasukan untuk memburu kejatuhan.

"Menerusi kejohanan ini, adalah sebagai wadah untuk mengerakkan lagi hubungan muhibah dan mesra bagi semua kementerian," jelasnya pada Mesyuarat Pengurus-pengurus Pasukan bagi Kejohanan Futsal Antara Kementerian - kementerian sempena HPA Ke-31, Tahun 2024 di Dewan Theater Aras Bawah Pejabat Daerah, di sini.

Kategori Veteran dan Kategori



Terbuka masing-masing akan dibahagikan kepada dua kumpulan yang bersaing secara liga dengan dua pasukan terbaik akan mewakili kumpulan untuk mara ke peringkat

separuh akhir sebelum melangkah ke final.

Pada kejohanan edisi Tahun 2022, Kementerian Pertahanan telah menujuai kejohanan Veteran

dan Kementerian Pembangunan menjulang Piala Juara pada Kategori Terbuka.

Kejohanan tahun ini dianjurkan oleh KHEDN.

Jazeman mahu kekal momentum di Sukan Permotoran FIA di Valencia

KUALA LUMPUR, 7 Okt. - Selepas menaiki podium pada tigapusingan Lamborghini Super Trofeo Asia 2024, pelumba berpengalaman Jazeman Jaafar berazam mengekalkan momentum pada Sukan Permotoran Persekutuan Automobil Antarabangsa (FIA) 2024 yang akan berlangsung di Litar Ricardo Tormo, Valencia, Sepanyol dari 23 hingga 27 Okt ini.

Pelumba berusia 32 tahun itu berharap dapat membawa pulang pingat pada penampilan sulungnyadi FIA sebagai penghargaan atas pemilihannya mewakili Malaysia di pentas berprestij berkenaan yang dianggap ibarat 'Sukan Olimpik' dunia permotoran.

"Saya pernah berlumba di litar Valencia pada 2008 selain *shakedown* (*testing*) pada 2017-2018. Kereta Lamborghini Huracan GT3 yangakan digunakan buat kali pertama (sebab setting kereta berbeza) jadi saya harap momentum

kemenangan dua podium sebelum ini dapat dibawa ke peringkat antarabangsa.

"Setiap kali menyertai kejohanan paling penting ialah *setting* kereta. Saya bersyukur ada rakan sepasukan yang berpengalaman selain akan ada *transfer data* untuk membantu dalam perlumbaan," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Jazeman bagaimanapun mengakui perlu berwaspada terhadap saingan daripada pasukan United Kingdom dan Jerman yang dilihat menghantar pelumba 'berpengalaman'.

Jazeman sebelum ini menamatkan saingantiga pusingan Lamborghini Super Trofeo Asia 2024, masing-masing di tempat kedua di The Bend Motorsport Park, Adelaide, Australia (Jun) dan juara di Fuji International Speedway, Jepun (Ogos) dan Shanghai International Circuit, China (September) bersama Selim Rafique menerusi kategori

Pro-Am.

Beliau akan menggalas cabaran negara bagi kategori GT Sprint manakala Selim dan Weiron Tan akan bersaing dalam kategori GT yang kesemuanya akan menggunakan jentera Lamborghini Huracan GT3.

"Saya akan bertanding dalam kelas GT atas lesen bronze yang dimilikinya dan berjanji akan memamerkan persembahan terbaik untuk meraih pingat," kata Selim.

Ini kali ketiga Malaysia bersaing di FIA Motorsport Games dengan penampilan sulung negara pada tahun 2019 di Itali yang menyaksikan pemenang eRacing GP 2019 Mior Muhamad Hafiz menduduki tempat kelapan dalam Piala Dunia.

Pada 2022 di Perancis, Naquib Azlan mengatasi pesaing dari lebih 60 negara dan layak sebagai finalis dalam Piala Esports. - ©BERNAMA

Zarief Rayqal mahu cemerlang di IWF24

KUALA LUMPUR, 8 Okt. - Pelumba muda, Zarief Rayqal Fahruddin menyasarkan untuk meneruskan penguasaannya pada IAME World Warrior Finals 2024 (IWF24) yang akan berlangsung di Valencia, Sepanyol bulan depan.

Pelumba berusia 14 tahun muncul juara keseluruhan kategori remaja pada Siri IAME Asia 2024 berkata beliau telah memberikan lebih tumpuan dalam latihan yang telah dirancang oleh jurulatihnya Rohairizaj Mohd Ropin.

Pelumba DRM Racing Team itu berkata beliau sedang

mempersiapkan diri kerana menyedari tugas berat bakal menanti di Valencia apabila perlu bersaing dengan barisan pelumba terbaik dunia.

"Saya mahu membanggakan ibu bapa dan Malaysia. Saya akan cuba sebaik sahaja," katanya dalam kenyataan hari ini.

Pelajar Cempaka International School Damansara Heights itu mengumpul 152 mata untuk menewaskan rakan sepasukannya Krittach Jiayrupa dari Thailand, untuk mempertahankan gelaran keseluruhan buat Malaysia

selepas ia dimenangi Katrina Ee, tahun lepas.

Bersaing dengan lebih 30 pelumba di litar Asia Tenggara, Zarief Rayqal meraih tiga daripada enam pusingan untuk menamatkan kejohanan di tangga teratas tahun ini.

IWF24 akan menampilkan empat kategori perlumbaan iaitu X30 MINI untuk bakat muda, X30 Junior untuk pelumba muda bercita-cita tinggi, X30 SENIOR (pelumba berpengalaman) dan X30 MASTER (untuk pelumba dewasa dan berpengalaman). - ©BERNAMA

Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser no. 1 di kalangan lelaki dan no. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Faktor Risiko:

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita.
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.
- Pernah menghidap kanser kolorektal.
- Berat badan yang berlebihan.
- Merokok.
- Tidak aktif.
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- Meminum minuman keras yang berlebihan.

Langkah Pencegahan:

- Tidak merokok.
- Perbanyak memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Elakkan meminum minuman keras.
- Meningkatkan aktiviti fizikal.
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal.

Tanda-tanda kanser kolorektal:

- Perubahan dalam pergerakan usus.
- Darah dalam najis.
- Sakit perut yang berpanjangan.
- Kembung perut.
- Kurang selera makan.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA
Kanser Kolorektal Boleh Dihindari

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari www.ppk.gov.bn



PELITA BRUNEI SUKAN

LEBIH 31 RIBU SERTAI BN ON THE MOVE 2024



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang kejohanan (atas dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Oktober. - Kejohanan BN on the Move 2024 berjaya dilaksanakan bermula dari 20 Mei sehingga 20 September 2024 apabila mendapat sokongan dan penyertaan yang menggalakkan, dengan sebanyak empat kategori pertandingan dibuka, iaitu Kategori Kerajaan, Kategori Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Kategori Sektor Swasta dan Kategori Orang Awam.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan pagi tadi mengadakan majlis penutup dan acara penyampaian hadiah bagi pemenang Kejohanan BN on the Move 2024 bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Kejohanan kali ini merupakan satu lagi langkah proaktif

Kementerian Kesihatan yang bertujuan untuk mempertingkatkan gaya hidup sihat dan aktif dalam kalangan rakyat.

Di samping itu, ia juga menggalakkan pengguna aplikasi BruHealth untuk berdaya saing dalam melakukan kegiatan fizikal melalui pengiraan jumlah langkah setiap hari di pasukan dan kategori masing-masing.

Seramai 31,393 peserta mengikuti Kejohanan BN on the Move 2024 dan lebih daripada 10 bilion langkah telah tercapai (10,219,000,000 keseluruhan jumlah langkah).

Jumlah penyertaan bagi Kategori Kerajaan ialah sebanyak 10,875 peserta dan Kategori IPT seramai 4,293. Manakala Kategori Swasta adalah sebanyak 11,349 peserta dan Kategori Orang Awam sebanyak 4,876 peserta.

Kategori Kerajaan Yang Mempunyai Peserta Paling Ramai dijuarai oleh Kementerian Kesihatan, sementara naib juara

disandang oleh Kementerian Pendidikan, manakala tempat ketiga ialah Kementerian Pertahanan.

Juara bagi Kategori Kerajaan Yang Paling Aktif dengan memperoleh jumlah purata langkah tertinggi dimenangi oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, sementara naib juara diberikan kepada Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, manakala tempat ketiga pula ialah Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dinobatkan sebagai juara bagi Kategori IPT Yang Mempunyai Peserta Paling Ramai, sementara naib juara disandang oleh Universiti Brunei Darussalam (UBD), manakala tempat ketiga ialah Universiti Teknologi Brunei (UTB).

Bagi Kategori IPT Yang Paling Aktif dijuarai oleh Kolej International Graduate Studies, diikuti naib juara Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), manakala tempat

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad, Ihsan Kementerian Kesihatan

ketiga ialah Kolej Perdagangan dan Teknologi Cosmopolitan.

Kategori Swasta Yang Mempunyai Peserta Paling Ramai pula dijuarai oleh Brunei Shell Petroleum (BSP), diikuti naib juara ialah Baiduri Bank Group, manakala tempat ketiga diberikan kepada AIA Brunei.

Manakala Kategori Swasta Yang Paling Aktif dijuarai oleh Darussalam Assets, diikuti oleh National Digital Payments Network (NDPX) sebagai naib juara, sementara Brunei Investment Agency (BIA) di tempat ketiga.

Sementara Kumpulan LOLLYPOP diumumkan sebagai juara bagi Kategori Orang Awam, manakala naib juara ialah Kumpulan Seri Perwira 2024, manakala kumpulan PTES Seri Setia mendapat tempat ketiga.

Masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai.

Darussalam Assets muncul sebagai pemenang Kategori Best of The Best di antara Kategori Kerajaan, Kategori Swasta, Kategori IPT dengan keseluruhan jumlah purata langkah sebanyak 1,059,139 dan membawa pulang piala pusingan.

Hadiah sugu hati juga diberikan kepada wakil pasukan dalam Kategori Kerajaan, IPT dan 20 sarkasat swasta teratas.

Pada acara berkenaan juga, seramai 10 pemenang utama membawa pulang hadiah cabutan bertuah.

Untuk melayakkan diri menyertai cabutan bertuah berkenaan, para peserta perlu mencapai sekurang-kurangnya 4,000 langkah setiap hari di sepanjang kejohanan BN on the Move 2024.

Sehubungan dengan itu, akan

ada lebih ramai pemenang cabutan bertuah yang akan diumumkan selepas acara berkenaan itu nanti.

Selain itu, lebih daripada 400 baju Kejohanan BN on the Move 2024 telah dijual dan sebahagian daripada penjualan berkenaan disumbangkan kepada Tabung Amal Bantuan Pesakit (TABP).

Kementerian Kesihatan ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada syarikat-syarikat yang menyumbang kepada sebahagian hadiah-hadiah bagi Kejohanan BN on the Move 2024.

Maklumat berkaitan dengan kejohanan berkenaan boleh didapati melalui aplikasi BruHealth dengan menekan ciri BN on the Move dan melalui media sosial @bruhealth.app dan @mohbrunei.

Teruslah bergerak untuk kesihatan, setiap langkah adalah penting. 'Every Little Move Counts'!



Jangan sebar maklumat tidak sah!

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Oktober. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengambil maklum akan dakwaan yang tular melalui media sosial mengenai salah laku yang tidak wajar terhadap seorang pegawai tertinggi Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) oleh seorang warga asing di negara lain.

Kementerian memandang serius dakwaan ini dan menegaskan bahawa gangguan atau tingkah laku tidak wajar dalam apa jua bentuk tidak akan

diterima.

KKBS juga menekankan kepentingan melindungi individu, atlet dan pegawai-pegawai daripada gangguan dan penyalahgunaan dalam sukan (*harassment and abuse in sports*), serta mengulangi Kenyataan Konsensus Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) 2007 bahawa 'Setiap individu dalam sukan berkongsi tanggungjawab untuk mengenal pasti dan mencegah gangguan seksual dan penyalahgunaan serta membangunkan budaya harga diri,

hormat dan keselamatan dalam sukan. Organisasi sukan, khususnya, adalah penjaga kepada keselamatan dan harus menunjukkan kepimpinan yang kukuh dalam mengenal pasti dan membasi amalan-amalan ini'.

Laporan polis telah dibuat dan kementerian akan bekerjasama sepenuhnya dengan pihak berkuasa untuk memastikan siasatan dijalankan dengan telus dan menyeluruh. KKBS mengambil berat mengenai mesej-mesej yang tular di media sosial dan ingin mengingatkan orang ramai agar

Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

tidak menyebarkan sebarang maklumat yang belum dipastikan kesahihannya kerana perbuatan berkenaan merupakan satu kesalahan di bawah Bab 34, Akta Ketenteraman Awam (Public Order Act), Penggal 148.

Selaras dengan Garis Panduan IOC 2016 untuk Persekutuan Antarabangsa dan Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan Berkenna Mewujudkan dan Melaksanakan Dasar untuk Melindungi Atlet daripada Gangguan dan Penyalahgunaan dalam Sukan, KKBS tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan disiplin

yang tegas serta langkah undang-undang atau sekaian yang berat terhadap mana-mana individu yang didapati melakukan perbuatan sedemikian.

KKBS kekal komited untuk memastikan akauntabiliti, integriti dan rasa hormat dalam semua persatuan sukan di Negara Brunei Darussalam dan seterusnya mengingatkan semua pegawai dan kakitangan persatuan untuk sentiasa mematuhi peraturan, undang-undang dan kod etika, terutamanya ketika mewakili negara serta menjaga imej dan nama baik negara.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MEMPERKASAKAN PELAJAR UNTUK MASA DEPAN